
BAB 9 PENZAHIRAN BERTERUSAN**BAHAGIAN A – AM****9.01 Pengenalan**

- (1) Bab ini menyatakan kehendak penzahiran berterusan yang mesti dipatuhi, antara lain, oleh perbadanan tersenarai, pengarah atau penasihatnya.
- (2) Kehendak-kehendak penzahiran yang dinyatakan dalam Bab ini terdiri daripada yang berikut:
 - (a) dasar penzahiran korporat dari Bursa (Bahagian B hingga H);
 - (b) penyediaan pengumuman (Bahagian I dan L (A));
 - (c) kehendak penzahiran segera (Bahagian J);
 - (d) kehendak penzahiran berkala (Bahagian K);
 - (e) pekeliling dan kehendak lain (Bahagian L dan L (A)).
- (3) Penzahiran berterusan adalah penzahiran yang menepati masa dan tepat mengenai semua maklumat material oleh perbadanan tersenarai kepada awam.
- (4) Penzahiran berterusan memastikan pasaran yang boleh dipercayai dan bertanggungjawab di mana tingkah laku peserta dengan piawaian usaha wajar yang paling tinggi dan pelabur mempunyai akses kepada maklumat menepati masa dan tepat untuk memudahkan penilaian sekuriti.

BAHAGIAN B – DASAR PENZAHIRAN KORPORAT**9.02 Dasar penzahiran korporat**

- (1) Perbadanan tersenarai mesti, selaras dengan Kehendak-kehendak ini, menzahirkan kepada awam semua maklumat material yang diperlukan untuk melabur secara berpengetahuan dan mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa semua yang melabur dalam sekuritinya menikmati akses yang sama kepada maklumat tersebut.
- (2) Perbadanan tersenarai mesti mematuhi 6 dasar penzahiran korporat yang khusus berikut:
 - (a) penzahiran maklumat material dengan segera (Bahagian C);
 - (b) penyebaran awam dengan teliti (Bahagian D);
 - (c) penjelasan, pengesahan atau penafian khabar angin atau laporan (Bahagian E);
 - (d) merespon kepada aktiviti pasaran luar biasa (Bahagian F);
 - (e) aktiviti penzahiran penajaan tidak wajar (Bahagian G); dan
 - (f) perdagangan orang dalam (Bahagian H).

BAHAGIAN C – PENZAHIRAN SEGERA MAKLUMAT MATERIAL**9.03 Penzahiran maklumat material**

- (1) Perbadanan tersenarai mesti membuat penzahiran awam dengan segera mengenai sebarang maklumat material, kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah 9.05 di bawah.
- (2) Maklumat adalah dianggap material, jika ia dijangkakan secara munasabah mempunyai kesan material pada -
 - (a) harga, nilai atau aktiviti pasaran dari mana-mana sekuriti perbadanan tersenarai; atau
 - (b) keputusan pemegang sekuriti perbadanan tersenarai atau pelabur dalam menentukan pilihan tindakannya.
- (3) Tanpa mengehendaki keluasan makna Subkaedah (2) di atas, maklumat material boleh merangkumi maklumat yang -
 - (a) melibatkan aset dan liabiliti, perniagaan, keadaan kewangan atau prospek perbadanan tersenarai;
 - (b) berhubung urusan dengan pekerja, pembekal, pelanggan dan lain-lain;
 - (c) berhubung sebarang peristiwa yang mempengaruhi pencairan hak atau kepentingan semasa atau yang berpotensi sekuriti perbadanan tersenarai; atau
 - (d) berhubung sebarang peristiwa penting yang mempengaruhi saiz pegangan awam sekuritinya.

9.04 Contoh peristiwa yang boleh menghendaki penzahiran segera

Berikut adalah beberapa contoh peristiwa yang boleh menghendaki penzahiran dengan segera oleh perbadanan tersenarai:

- (a) pemeteraian perjanjian usaha sama atau percantuman;
- (b) perolehan atau kerugian dari suatu kontrak, francais atau hak pengedaran;
- (c) pengenalan produk atau penemuan baharu;
- (d) perubahan dalam pengurusan;
- (e) peminjaman dana;
- (f) permulaan dari atau penglibatan dalam litigasi dan apa-apa perkembangan material yang timbul dari litigasi tersebut;
- (g) permulaan prosiding timbang tara atau prosiding yang melibatkan kaedah penyelesaian pertikaian alternatif dan apa-apa perkembangan material yang timbul dari prosiding tersebut;
- (h) pembelian atau penjualan sesuatu aset;
- (i) perubahan pelan pelaburan modal;
- (j) berlakunya pertikaian buruh atau pertikaian dengan sub-kontraktor atau pembekal;

-
- (k) membuat tawaran tender untuk sekuriti perbadanan yang lain;
 - (l) [dipotong]
 - (m) perubahan dalam haluan perniagaan am;
 - (n) perubahan hak harta intelek;
 - (o) pemeteraian di dalam memorandum persefahaman;
 - (p) pemeteraian di dalam sebarang opsiyen panggilan atau jualan atau kontrak niaga hadapan kewangan; atau
 - (q) perubahan dalam pelan perniagaan perbadanan tersenarai yang telah dizahirkan sebelumnya.

9.05 Penahanan maklumat material

- (1) Perbadanan tersenarai boleh, dalam keadaan luar biasa, secara sementara menahan diri dari penzahiran maklumat material secara terbuka, dengan syarat bahawa kerahsiaan sepenuhnya dipelihara. Jika maklumat material ditahan, perbadanan tersenarai mesti menahan diri dari melengahkan penzahiran untuk suatu tempoh masa yang tidak munasabah oleh kerana ia adalah tidak mungkin bahawa kerahsiaan dapat dipelihara melebihi masa yang singkat.
- (2) Keadaan luar biasa di mana penzahiran boleh ditahan adalah terhad dan merupakan suatu pengecualian yang jarang berlaku terhadap kehendak biasa penzahiran segera kepada awam. Sekiranya terdapat keraguan, anggapan itu mestilah sentiasa memihak kepada penzahiran.
- (3) Berikut adalah keadaan luar biasa di mana penzahiran boleh ditahan buat sementara:
 - (a) apabila penzahiran segera akan menjejaskan kemampuan perbadanan tersenarai untuk mencapai objektif korporatnya;
 - (b) apabila fakta adalah dalam keadaan berubah-ubah dan masa yang lebih sesuai untuk penzahiran akan berlaku; atau
 - (c) jika undang-undang melarang penzahiran maklumat tersebut.

9.06 Mengekalkan kerahsiaan

- (1) Setiap kali maklumat material ditahan buat sementara, perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa kerahsiaan paling ketat dikekalkan, termasuk menghadkan bilangan orang yang mempunyai mengakses kepada maklumat material itu dan memastikan keselamatan semua dokumen sulit.
- (2) [Dipotong]
- (3) Walau apa pun Kaedah 9.05 di atas, sekiranya maklumat material adalah atau dipercayai telah dizahirkan secara tidak sengaja kepada pihak ketiga atau jika maklumat material telah menjadi umum melalui media atau dengan cara yang lain, perbadanan tersenarai mesti mengumumkan dengan serta merta maklumat itu kepada Bursa.

9.07 Memantau aktiviti pasaran dan membuat pengumuman

Semasa maklumat ditahan dari awam, aktiviti pasaran sekuriti perbadanan tersenarai mesti dipantau dengan rapi. Perbadanan tersenarai mesti mengumumkan dengan serta merta kepada Bursa maklumat yang ditahan selaras dengan Kehendak-kehendak ini, jika keadaan berikut berlaku:

-
- (a) aktiviti pasaran luar biasa dalam sekuriti perbadanan tersenarai yang menandakan bahawa "kebocoran" maklumat mungkin telah berlaku;
 - (b) khabar angin atau laporan mengenai maklumat tersebut telah muncul; atau
 - (c) jika perbadanan tersenarai mengetahui bahawa terdapat tanda-tanda bahawa perdagangan orang dalam mungkin sedang berlaku.

BAHAGIAN D – PENYEBARAN AWAM DENGAN TELITI

9.08 Penyebaran awam dengan teliti

- (1) Perbadanan tersenarai mesti menyiarkan maklumat material kepada awam dengan cara yang dirancang untuk mendapatkan penyebaran awam selengkap yang boleh.
- (2) Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa tidak ada penzahiran maklumat material yang dibuat secara individu atau selektif kepada penganalisis, pemegang syer, wartawan atau orang lain melainkan maklumat tersebut telah dizahirkan dan disebarikan sepenuhnya kepada awam sebelumnya. Sekiranya maklumat material dizahirkan secara tidak sengaja di mana-mana mesyuarat dengan penganalisis, pemegang syer, wartawan atau pihak lain, ia mesti disebarikan secara umum secepat mungkin.
- (3) Mungkin terdapat keadaan terbatas di mana penzahiran selektif maklumat material diperlukan, contohnya jika perbadanan tersenarai sedang melakukan pelaksanaan korporat atau untuk memudahkan pengendalian usaha wajar. Dalam keadaan tersebut, perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa -
 - (a) penzahiran adalah dihadkan kepada orang yang berkaitan sahaja;
 - (b) kerahsiaan yang paling ketat dipelihara;
 - (c) kehendak Kaedah 9.07 adalah dipatuhi.
- (4) Jika penzahiran dibuat sejurus sebelum atau semasa waktu dagangan, Bursa boleh mengenakan penghentian sementara atau penggantungan dalam perdagangan sekuriti perbadanan tersenarai untuk memudahkan penyebaran dan penilaian maklumat yang disiarkan.
- (5) Sebarang penzahiran awam terhadap maklumat material mesti dibuat dengan satu pengumuman pertama kepada Bursa atau secara serentak kepada Bursa, akhbar dan perkhidmatan berita. Bagi mengelakkan keraguan, perbadanan tersenarai mesti tidak menyiarkan apa-apa maklumat material kepada media walau pun secara embargo sehingga ia telah memberikan maklumat itu kepada Bursa.

BAHAGIAN E – PENJELASAN, PENGESAHAN ATAU PENAFIAN KHABAR ANGIN ATAU LAPORAN

9.09 Penjelasan, pengesahan atau penafian khabar angin atau laporan

- (1) Setiap kali perbadanan tersenarai menyedari apa-apa khabar angin atau laporan, benar atau tidak, yang mengandungi maklumat material, perbadanan tersenarai mesti membuat siasatan sewajarnya dan dengan serta merta menjelaskan, mengesahkan atau menafikan khabar angin atau laporan itu tersebut secara terbuka.

-
- (2) Bagi maksud Subkaedah (1) di atas, perbadanan tersenarai mesti menjelaskan secara terbuka apa-apa khabar angin atau laporan yang diedarkan melalui cara apa sekali pun termasuk melalui lisan, suatu artikel yang diterbitkan di dalam akhbar, kawat berita, majalah, laporan pasaran broker atau apa-apa penerbitan lain.

9.10 Respons kepada khabar angin atau laporan

- (1) Perbadanan tersenarai mesti memberi respons kepada khabar angin atau laporan dengan membuat pengumuman segera kepada Bursa seperti berikut:
- (a) jika khabar angin atau laporan itu mengandungi maklumat material yang salah, satu penafian atau penjelasan terhadap khabar angin atau laporan bersama-sama fakta yang mencukupi untuk menyokong penafian itu atau untuk menjelaskan apa-apa aspek yang mengelirukan mengenai khabar angin atau laporan itu. Perbadanan tersenarai juga mesti berusaha dengan sewajarnya untuk mengemukakan pengumuman itu kepada perhatian pihak yang mula-mula menyebarkan khabar angin atau laporan yang salah itu; dan
 - (b) jika khabar angin atau laporan mengandungi maklumat material yang betul, satu pengesahan terhadap khabar angin atau laporan itu bersama-sama fakta mengenai perkara itu dan indikasi mengenai keadaan perundingan atau pelan korporat sekitar khabar angin itu. Pengumuman tersebut adalah penting walau pun perkara itu belum dibentangkan kepada lembaga pengarah perbadanan tersenarai untuk dipertimbangkan.
- (2) Dalam kes sesuatu khabar angin atau laporan yang meramalkan jualan, pendapatan atau data kuantitatif lain masa hadapan, perbadanan tersenarai biasanya tidak dikehendaki untuk memberikan respons. Namun, jika laporan tersebut jelas berdasarkan pada atau mengandungi maklumat yang salah, atau disandarkan secara salah kepada perbadanan tersenarai, perbadanan tersenarai mesti -
- (a) memberi respons dengan segera kepada unsur-unsur khabar angin atau laporan disangkakan fakta yang dikehendaki di bawah Kaedah 9.09 dan Kaedah 9.10 ini; dan
 - (b) memasukkan dalam pengumuman, pernyataan untuk hal itu bahawa perbadanan tersenarai sendiri tidak pernah membuat ramalan tersebut dan ia tidak menyedari apa-apa fakta yang menjadi justifikasi untuk membuat ramalan tersebut.

BAHAGIAN F – RESPONS KEPADA AKTIVITI PASARAN LUAR BIASA

9.11 Aktiviti pasaran luar biasa

- (1) Jika berlaku pergerakan harga, aktiviti perdagangan, atau kedua-duanya yang luar biasa ("**aktiviti pasaran luar biasa**"), perbadanan tersenarai mesti dengan serta merta melakukan satu siasatan wajar untuk mencari punca aktiviti pasaran luar biasa dalam sekuritinya. Perbadanan tersenarai mesti mempertimbangkan khususnya, sama ada terdapat apa-apa maklumat mengenai perbadanan tersenarai yang boleh menyumbang kepada aktiviti pasaran luar biasa itu yang -
- (a) telah dizahirkan secara terbuka baru-baru ini;
 - (b) tidak pernah dizahirkan secara terbuka (dalam kes ini aktiviti pasaran luar biasa menandakan suatu "kebocoran" telah berlaku); atau
 - (c) adalah isi khabar angin atau laporan.

- (2) Jika perbadanan tersenarai menentukan bahawa aktiviti pasaran luar biasa adalah akibat dari maklumat material yang telah dizahirkan secara terbuka menurut Kehendak-kehendak ini, perbadanan tersenarai biasanya tidak dikehendaki membuat pengumuman lanjut. Namun, jika aktiviti pasaran luar biasa jelas menunjukkan bahawa maklumat tersebut mungkin telah disalah ertikan, perbadanan tersenarai mesti mengeluarkan pengumuman yang menjelaskan kepada Bursa.
- (3) Jika aktiviti pasaran luar biasa akibat dari "kebocoran" maklumat yang tidak dizahirkan sebelumnya, perbadanan tersenarai mesti menzahirkan maklumat tersebut secara terbuka selaras dengan Kehendak-kehendak ini.
- (4) Jika aktiviti pasaran luar biasa akibat daripada khabar angin atau laporan, perbadanan tersenarai mesti mematuhi Kaedah 9.09 dan 9.10 di atas.
- (5) Jika punca aktiviti pasaran luar biasa tidak dapat ditentukan, perbadanan tersenarai mesti mengumumkan bahawa tidak terdapat perkembangan yang tidak dizahirkan yang boleh menyumbang kepada aktiviti pasaran luar biasa itu.

BAHAGIAN G – AKTIVITI PENZAHIRAN PROMOSI TIDAK WAJAR

9.12 Aktiviti penzahiran penajaan

- (1) Perbadanan tersenarai mesti menahan diri dari sebarang bentuk aktiviti penzahiran penajaan yang boleh memperdayakan pelabur atau menyebabkan pergerakan harga dan aktiviti yang tidak wajar di dalam sekuriti perbadanan tersenarai.
- (2) Aktiviti tersebut merangkumi siaran berita, pengumuman awam, ramalan, laporan atau periklanan yang -
 - (a) tidak dijustifikasikan dengan perkembangan sebenar mengenai perbadanan tersenarai;
 - (b) membesar-besarkan;
 - (c) ranggi;
 - (d) berlebihan; or
 - (e) terlalu bersemangat.

9.13 Ciri khas aktiviti penzahiran penajaan

Walau pun perbezaan antara aktiviti perhubungan awam yang sah dan aktiviti penzahiran penajaan tersebut bergantung pada fakta kes tertentu, berikut adalah ciri khas aktiviti penajaan yang kerap:

- (a) rentetan pengumuman awam dalam jumlah atau kekerapan tidak berkaitan dengan kematangan perkembangan sebenar mengenai perbadanan tersenarai;
- (b) pengumuman produk yang masih dalam peringkat pembangunan dengan prospek komersial yang tidak terbukti;
- (c) penajaan dan perjalanan perbelanjaan dibayar, atau mengadakan mesyuarat atau wawancara dengan penganalisis dan penulis kewangan, yang mungkin berkesan mempengaruhi secara tidak wajar aktiviti pasaran sekuriti perbadanan tersenarai dan adalah tidak dijustifikasikan dalam kekerapan atau skop dengan keperluan untuk menyebarkan maklumat tentang perkembangan sebenar mengenai perbadanan tersenarai;

- (d) siaran akhbar atau pengumuman awam lain yang bersifat berat sebelah atau tidak seimbang; dan
- (e) pengiklanan perbadanan tersenarai atau produk yang kesannya menajakan sekuriti perbadanan tersenarai.

BAHAGIAN H – PERDAGANGAN ORANG DALAM

9.14 Larangan di bawah undang-undang

- (1) Semua perbadanan tersenarai dan pihak yang boleh dianggap sebagai orang dalam mesti menyedari sepenuhnya peruntukan CMSA dan Akta Syarikat.
- (2) Bagi maksud Bahagian ini, "**orang dalam**" memberi erti yang diberikan di bawah seksyen 188 CMSA.

9.15 Larangan dari perdagangan

Orang dalam mesti tidak berdagang berasaskan maklumat material yang tidak diketahui oleh pelabur awam.

BAHAGIAN I – PENYIAPAN PENGUMUMAN

9.16 [Dipotong]

9.17 Penyiapan pengumuman akhbar atau awam

- (1) Perbadanan tersenarai mesti mematuhi kehendak berikut berkenaan dengan kewajibannya untuk membuat penzahiran maklumat di bawah Kehendak-kehendak ini:
 - (a) oleh kerana kemahiran dan pengalaman adalah penting untuk penyiapan dan penyuntingan pengumuman akhbar atau awam, Bursa menghendaki bahawa perbadanan tersenarai mengenal pasti seorang individu atau sekumpulan individu yang terhad dalam perbadanan tersenarai yang biasa dengan kehendak Bursa, begitu juga dengan mana-mana kehendak undang-undang sekuriti yang terpakai untuk memikul tanggungjawab untuk penzahiran secara berterusan. Oleh kerana pengumuman akhbar atau awam biasanya mesti disiapkan dan disiarkan secepat mungkin, individu atau kumpulan yang ditugaskan untuk tugas ini mesti berupaya untuk menangani masalah yang timbul secara mengejut dan tidak dijangka; dan
 - (b) setiap pengumuman mesti disemak oleh seorang pengarah yang biasa dengan perkara-perkara mengenai penzahiran mana yang kena buat.
- (2) Semasa tempoh di mana perbadanan tersenarai dikehendaki mempunyai Penaja menurut Kehendak-kehendak ini, pengumuman mesti disemak oleh Penaja, kecuali untuk pengumuman yang dibuat:
 - (a) menurut Kaedah 9.19(9), (10), (12), (13), (14), (15), (18) and (19) di bawah; or
 - (b) oleh Penasihat yang dilantik oleh perbadanan tersenarai.

9.18 Ringkasan perkara-perkara penting

- (1) Semua pengumuman yang panjang kepada Bursa hendaklah sebaik-baiknya didahului dengan ringkasan perkara-perkara yang penting.
- (2) Jika satu ringkasan disediakan, perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa -
 - (a) ringkasan itu dalam bentuk yang sesuai untuk penyebaran segera oleh Bursa; dan
 - (b) ringkasan itu adalah jelas dan adalah suatu gambaran yang tepat mengenai pengumuman.

BAHAGIAN J – KEHENDAK PENZAHIRAN SEGERA**9.19 Pengumuman segera kepada Bursa**

Perbadanan tersenarai mesti mengumumkan dengan serta merta kepada Bursa peristiwa yang dinyatakan di bawah. Kehendak-kehendak ini adalah tambahan kepada kehendak pengumuman lain yang dikenakan di bawah Bab ini dan bahagian lain Kehendak-kehendak ini, dan adalah tidak menyeluruh:

- (1) sebarang hasrat untuk menetapkan tarikh tutup buku dan sebab-sebabnya, menyatakan tarikh tutup buku, yang mestilah sekurang-kurangnya 10 hari pasaran selepas tarikh pengumuman kepada Bursa;
- (2) sebarang pengesyoran atau pengisytiharan dividen atau pengagihan yang mematuhi yang berikut :
 - (a) pengumuman mesti merangkumi -
 - (i) jumlah per syer;
 - (ii) mod (dalam bentuk tunai, syer atau kedua-duanya) dan tarikh pembayaran iaitu dalam tempoh 1 bulan dari tarikh tutup buku; dan
 - (iii) jika dividen itu tertakluk kepada Skim Pelaburan Semula Dividen, untuk menyatakan yang sama dan jumlah dividen sesyer yang tertakluk kepada skim;
 - (b) jika dividen atau pengagihan adalah tidak dikenakan cukai di tangan pemegang syer, ini mesti dinyatakan dalam pengumuman kepada Bursa dan dalam makluman dividen atau pengagihan kepada pemegang syer; dan
 - (c) jika terdapat variasi dalam suatu dividen interim atau akhir atau pengagihan untuk tempoh yang sama pada tahun sebelumnya, para pengarah mesti menyatakan sebab-sebab untuk variasi itu semasa pengesyoran atau perisytiharan;
- (3) sebarang pengesyoran atau keputusan bahawa dividen tidak akan diisytiharkan;
- (4) apa-apa perubahan di dalam terma sekuriti hutang atau sekuriti boleh tukar;
- (5) [dipotong];

-
- (6) mana-mana mesyuarat agung (selain mesyuarat yang diadakan untuk meluluskan ketetapan khas atau mesyuarat agung tahunan), sekurang-kurangnya 14 hari sebelum mesyuarat tersebut diadakan, dan dalam kes mesyuarat diadakan untuk meluluskan suatu ketetapan khas atau untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan, sekurang-kurangnya 21 hari sebelum mesyuarat tersebut diadakan. Pengumuman mesti merangkumi tarikh Rekod Pendeposit yang dikehendaki oleh perbadanan tersenarai menurut Kaedah 7.16 (2) bagi tujuan menentukan sama ada pendeposit hendaklah dianggap sebagai anggota yang berhak untuk menghadiri, bersuara dan mengundi mesyuarat agung;
 - (7) semua ketetapan dikemukakan kepada mesyuarat agung perbadanan tersenarai dan dengan serta merta selepas mesyuarat tersebut, sama ada resolusi tersebut dilaksanakan atau tidak. Pengumuman mesti merangkumi -
 - (a) jumlah bilangan pembuangan undi pada pengundian (bersama-sama peratusan) yang memihak dan menentang ketetapan tersebut;
 - (b) nama pengawas pengundian.
 - (8) sebarang-sebarang panggilan yang akan dibuat terhadap mana-mana modal syer perbadanan tersenarai yang sebahagiannya telah dibayar.
 - (9) sebarang pertukaran alamat atau nombor telefon dan/atau nombor faksimile pejabat berdaftar perbadanan tersenarai atau mana-mana pejabat di mana daftar sekuriti perbadanan tersenarai disimpan;
 - (10) sebarang cadangan pertukaran nama perbadanan tersenarai;
 - (11) sebarang perubahan dalam tahun kewangan berakhir perbadanan tersenarai bersama-sama sebab-sebab untuk perubahan itu;
 - (12) sebarang perubahan dalam komposisi lembaga pengarah perbadanan tersenarai. Pengumuman kepada Bursa -
 - (a) mengenai pelantikan seorang pengarah mesti merangkumi maklumat yang terkandung dalam Bahagian A Lampiran 9A; atau
 - (b) mengenai penamatan jawatan seorang pengarah mesti merangkumi sebab-sebab yang diberikan untuk penamatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa maklumat yang berkaitan dengan ketaksetujuannya dengan lembaga dan pernyataan sama ada terdapat apa-apa perkara yang perlu dibawa kepada perhatian pemegang syer perbadanan tersenarai;
 - (13) sebarang perubahan dalam komposisi jawatankuasa audit perbadanan tersenarai. Pengumuman kepada Bursa mengenai pelantikan ahli jawatankuasa audit mesti menyatakan sama ada yang dilantik adalah pengarah bebas;
 - (14) sebarang perubahan atau cadangan perubahan untuk ketua eksekutif perbadanan tersenarai. Pengumuman kepada Bursa -
 - (a) mengenai pelantikan ketua eksekutif mesti merangkumi maklumat yang terkandung dalam Bahagian B Lampiran 9A; atau
 - (b) mengenai penamatan jawatan ketua eksekutif mesti merangkumi sebab-sebab yang diberikan untuk penamatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa maklumat berkaitan dengan ketaksetujuannya dengan lembaga dan pernyataan sama ada terdapat apa-apa perkara yang perlu dibawa ke perhatian pemegang syer perbadanan tersenarai;

- (14A) sebarang perubahan atau cadangan perubahan dalam ketua pegawai kewangan perbadanan tersenarai. Pengumuman kepada Bursa -
- (a) mengenai pelantikan ketua pegawai kewangan mesti merangkumi maklumat yang terkandung dalam Bahagian B (A) Lampiran 9A; atau
 - (b) mengenai penamatan jawatan ketua pegawai kewangan mesti merangkumi sebab-sebab yang diberikan untuk penamatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa maklumat yang berkaitan dengan ketaksetujuannya dengan lembaga dan pernyataan sama ada terdapat apa-apa perkara yang perlu dibawa ke perhatian pemegang syer perbadanan tersenarai;
- (14B) sebarang pelantikan atau perubahan dalam wakil sah (atau orang yang diberi kuasa yang setara, walau apa pun penerangannya), dengan kuasa tunggal untuk mewakili, melaksanakan hak atau memeterai kewajipan yang mengikat, bagi pihak perbadanan tersenarai atau subsidiari asing utamanya menurut mana-mana undang-undang berkaitan yang terpakai kepada perbadanan tersenarai atau subsidiari asing utamanya. Pengumuman kepada Bursa mesti merangkumi maklumat yang terkandung dalam Bahagian B (B) Lampiran 9A;
- (15) sebarang perubahan dalam setiausaha syarikat atau juruaudit luar perbadanan tersenarai. Pengumuman kepada Bursa mengenai penamatan jawatan juruaudit luar mesti merangkumi sebab-sebab untuk penamatan jika terdapat perwakilan bertulis atau penjelasan untuk penamatan tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada pernyataan sama ada terdapat apa-apa perkara yang perlu dibawa ke perhatian pemegang syer perbadanan tersenarai;
- (15A) sebarang perubahan di dalam penasihat bebas yang dilantik oleh perbadanan tersenarai menurut Kehendak-kehendak ini. Pengumuman mengenai penamatan perkhidmatan penasihat bebas mesti merangkumi sebab-sebab yang diberikan untuk penamatan termasuk tetapi tidak terhad kepada pernyataan sama ada terdapat perkara-perkara yang perlu dibawa ke perhatian para pemegang syer perbadanan tersenarai;
- (16) sebarang notis peletakan jawatan oleh atau penamatan Penaja perbadanan tersenarai. Sebab-sebab peletakan jawatan atau penamatan tersebut mesti dizahirkan;
- (17) sebarang cadangan pengubahan perlembagaan perbadanan tersenarai;
- (18) sebarang notis berkaitan dengan pemegang syer substansial yang diterima perbadanan tersenarai;
- (19) sebarang notis yang disebut dalam seksyen 219 (1) Akta Perusahaan yang telah diterima oleh perbadanan tersenarai berhubung sekuriti perbadanan tersenarai yang tersenarai di Bursa;
- (20) sebarang pembubaran perbadanan tersenarai, subsidiarinya atau syarikat bersekutu utama seperti berikut:
- (a) pembentangan petisyen pembubaran;
 - (b) perintah pembubaran sedang dibuat; atau
 - (c) bermulanya pembubaran sukarela selaras dengan seksyen 441 Akta Syarikat.

Pengumuman kepada Bursa berkaitan dengan pembubaran mesti merangkumi maklumat yang terkandung dalam Bahagian C Lampiran 9A;

-
- (21) pelantikan, atau sebarang perubahan dalam orang-orang berikut ke atas perbadanan tersenarai, mana-mana subsidiarinya atau syarikat bersekutu utama atau mana-mana bahagian harta tanah perbadanan tersenarai, subsidiari atau syarikat bersekutu utamanya:
- (a) penerima, pengurus atau penerima dan pengurus;
 - (b) penyelesaian (yang termasuk penyelesaian sementara);
 - (c) pentadbir khas; atau
 - (d) orang lain dalam kapasiti yang sama.
- Pengumuman berkaitan dengan pelantikan penerima, pengurus, penerima dan pengurus, atau orang lain dalam kapasiti yang sama mesti merangkumi maklumat yang terkandung dalam Bahagian D Lampiran 9A. Pengumuman mengenai pelantikan penyelesaian (yang termasuk penyelesaian sementara) atau pentadbir khas mesti merangkumi maklumat yang terkandung dalam Bahagian E Lampiran 9A;
- (22) perolehan prosiding sekatan dari perintah mahkamah terhadap perbadanan tersenarai atau mana-mana subsidiarinya atau syarikat bersekutu utama di bawah seksyen 368 Akta Syarikat. Pengumuman mengenai perintah sekatan mesti merangkumi maklumat yang terkandung dalam Bahagian F Lampiran 9A;
- (23) [dipotong]
- (24) [dipotong]
- (25) [dipotong]
- (26) sebarang perolehan (termasuk pelanggan) syer dalam perbadanan tersenarai lain atau sebarang peristiwa lain yang mengakibatkan pemegangan menjadi 5% atau lebih daripada jumlah bilangan syer yang diterbitkan (tidak termasuk syer perbendaharaan) perbadanan tersenarai itu;
- (27) sebarang pelupusan syer dalam perbadanan tersenarai lain atau apa-apa peristiwa lain yang mengakibatkan pegangan jatuh di bawah 5% daripada jumlah bilangan syer yang diterbitkan (tidak termasuk syer perbendaharaan) perbadanan tersenarai itu;
- (28) sebarang cadangan terbitan atau tawaran sekuriti oleh perbadanan tersenarai;
- (29) [dipotong]
- (30) sebarang variasi terhadap hak yang berlampiran kepada satu kelas sekuriti perbadanan tersenarai;
- (31) tahap pelanggan berhubung satu terbitan atau tawaran sekuriti oleh syarikat tersenarai;
- (32) keputusan untuk memperuntukkan sekuriti berlebihan berhubung terbitan hak oleh perbadanan tersenarai dan asas peruntukan tersebut;
- (33) sebarang perubahan kepada penggunaan hasil yang diperoleh oleh perbadanan tersenarai dari penerbitan sekuriti yang menyimpang sebanyak 5% atau lebih dari jumlah hasil yang diperoleh;
- (34) [dipotong]

-
- (35) sebarang penyimpangan 10% atau lebih antara keuntungan selepas cukai dan kepentingan bukan mengawal yang dinyatakan dalam anggaran, ramalan atau unjuran kewangan yang diumumkan sebelumnya atau dizahirkan dalam dokumen awam dan penyata kewangan yang diumumkan, memberikan penjelasan mengenai penyimpangan dan penyesuaian penyimpangan;
- (36) sebarang penyimpangan 10% atau lebih antara keuntungan atau kerugian selepas cukai dan kepentingan bukan mengawal yang dinyatakan dalam penyata kewangan belum diaudit yang diumumkan dan penyata kewangan teraudit, memberikan penjelasan mengenai penyimpangan dan penyesuaian penyimpangan;
- (37) sebarang keadaan atau perkembangan yang berkemungkinan besar mempengaruhi secara material keputusan atau hasil dari apa-apa anggaran, ramalan, unjuran kewangan atau sasaran dalaman dari perbadanan tersenarai yang diumumkan sebelumnya atau dizahirkan dalam dokumen awam, memberikan penjelasan mengenai hasil yang berkemungkinan diperoleh dari keadaan tersebut atau perkembangan mengenai anggaran, ramalan, unjuran kewangan atau sasaran dalaman perbadanan tersenarai;
- (37A) sebarang kekurangan dalam jaminan keuntungan sebenar diterima oleh perbadanan tersenarai berbanding dengan jaminan keuntungan yang diumumkan sebelumnya atau dizahirkan dalam dokumen awam (jika ada) dan langkah-langkah yang diambil atau dicadangkan untuk diambil bagi memulihkan kekurangan itu;
- (38) sebarang pendapat yang diubah atau ketidakpastian material berkaitan dengan kemampuan dalam laporan juruaudit luar. Pengumuman mesti menyatakan perincian lengkap mengenai pendapat yang diubah atau ketidakpastian material berkaitan dengan kemampuan dan merangkumi perkara berikut:
- (a) semua perkara audit utama yang dizahirkan dalam laporan juruaudit luar;
 - (b) langkah-langkah yang telah atau dicadangkan untuk diambil bagi mengatasi perkara-perkara audit utama itu berkaitan dengan pendapat yang diubah atau ketidakpastian material berkaitan dengan kemampuan; dan
 - (c) garis masa untuk langkah-langkah yang disebut dalam Subkaedah (b) di atas;
- (39) panggilan untuk penebusan sekuriti oleh perbadanan tersenarai;
- (40) sebarang penyenaian dari mana-mana bahagian sekuriti perbadanan tersenarai atau mana-mana subsidiarinya di bursa saham lain, menyatakan bursa saham yang mana;
- (41) sebarang maklumat atau dokumen kewangan material yang disiarkan kepada atau diserahkan dengan mana-mana bursa saham lain atau pengawal selia lain yang tersedia untuk awam;
- (41A) jika suatu pinjaman atau peminjaman material diumumkan menurut Kaedah 9.03 dan dokumen yang berkaitan untuk pinjaman atau peminjaman tersebut mengandungi syarat, perjanjian atau sekatan berkaitan dengan pemegang syer dari pemegang syer mengawal, pengumuman tersebut mesti merangkumi -
- (a) perincian syarat, perjanjian atau sekatan tersebut termasuk apa-apa sekatan yang dikenakan pada perubahan dalam kawalan perbadanan tersenarai; dan
 - (b) tahap agregat kemudahan yang boleh terjejas oleh pelanggaran syarat, perjanjian atau sekatan tersebut;
- (42) sebarang perubahan kawalan dalam perbadanan tersenarai;

-
- (43) sebarang perjanjian untuk menaja program resit depositori. Pengumuman mesti merangkumi maklumat yang terkandung dalam Bahagian G Lampiran 9A;
- (44) sebarang pindaan material terhadap terma perjanjian untuk penajaan program resit depositori, atau penamatan program tersebut, menyatakan sebab-sebab dan kesan dari penamatan tersebut;
- (45) sebarang penemuan pemineralan atau hidrokarbon oleh perbadanan tersenarai atau subsidiarinya yang aktiviti merangkumi penerokaan sumber semula jadi yang menyatakan sama ada mana-mana angka atau anggaran di dalam penemuan itu telah ditentukan oleh seorang ahli geologi, atau pakar lain, dan jika demikian, butir-butir mengenai ahli geologi atau pakar;
- (46) sebarang penilaian yang telah dilakukan pada aset bukan semasa kumpulan, di mana lebihan atau defisit penilaian semula akan digabungkan di dalam penyata kewangan perbadanan tersenarai. Perbadanan tersenarai mesti mengumumkan penilaian apabila lembaga perbadanan tersenarai meluluskan penggabungan lebihan atau defisit penilaian semula di dalam penyata kewangan perbadanan tersenarai dan mesti merangkumi maklumat yang terkandung dalam Bahagian H Lampiran 9A di dalam pengumuman kepada Bursa. Perbadanan tersenarai mesti menyediakan sesalinan setiap laporan penilaian untuk pemeriksaan di pejabat berdaftar perbadanan tersenarai untuk tempoh 3 bulan dari tarikh pengumuman;
- (47) apa-apa perkembangan material untuk cadangan korporat yang diumumkan sebelumnya, termasuk yang berikut:
- (a) variasi terma, termasuk sebarang pelanjutan masa yang dipersetujui atau diberikan oleh pihak yang berkaitan dengan transaksi;
 - (b) peluputan mana-mana rangka masa yang ditetapkan di bawah perjanjian untuk pelaksanaan kewajipan tertentu;
 - (c) penyerahan cadangan dan sebarang variasi kepada pihak berkuasa kawal selia untuk kelulusan;
 - (d) penerimaan sebarang keputusan dari pihak berkuasa kawal selia, menyatakan antara lain, syarat yang dikenakan atau sebab-sebab untuk penolakan, jika berkenaan;
 - (e) penyerahan sebarang permohonan kepada pihak berkuasa kawal selia untuk variasi syarat;
 - (f) peluputan rangka masa yang dikenakan oleh pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan, dalam mana cadangan korporat itu mesti disempurnakan dan penyerahan sebarang permohonan untuk lanjutan masa bagi menyempurnakan pelaksanaan cadangan korporat;
 - (g) penyempurnaan cadangan korporat; atau
 - (h) penamatan cadangan korporat, menyatakan antara lain -
 - (i) sebab-sebab untuk penamatan;
 - (ii) sama ada perbadanan tersenarai akan meneruskan atau mengambil tindakan undang-undang (jika berkenaan); dan

- (iii) kesan kewangan (jika ada) kepada perbadanan tersenarai berikutan penamatan dari segi kesan terhadap pendapatan sesyer dan aset bersih sesyer;
- (47A) sebarang maklumat berhubung cadangan pengambilalihan atau tawaran pengambilalihan yang perlu diumumkan kepada Bursa menurut Kod Pengambilalihan dan Percantuman;
- (48) berhubung tawaran pengambilalihan menurut Kod Pengambilalihan dan Percantuman atau cadangan korporat yang dilaksanakan oleh atau berhubung perbadanan tersenarai, apabila 90% atau lebih syer tersenarai (tidak termasuk syer perbendaharaan) perbadanan tersenarai dipegang oleh pemegang syer sama ada secara individu atau bersama dengan sekutu dari pemegang syer tersebut. Berhubung tawaran pengambilalihan, perbadanan tersenarai mesti merangkumi maklumat yang terkandung dalam Bahagian J Lampiran 9A di dalam pengumuman kepada Bursa;
- (49) sebarang keputusan untuk melaksanakan Skim Geran Syer. Pengumuman kepada Bursa mengenai keputusan untuk melaksanakan skim tersebut mesti merangkumi maklumat yang dikehendaki dari Skim Penerbitan Syer dalam Lampiran 6A, jika berkenaan dan dengan pengubahsuaian yang diperlukan;
- (50) sebarang keputusan untuk menamatkan Skim Geran Syer tarikh penamatan. Pengumuman kepada Bursa mengenai penamatan skim seperti tersebut mesti merangkumi maklumat berikut:
- (a) tarikh efektif penamatan;
 - (b) bilangan syer yang diletak hak di bawah skim; dan
 - (c) sebab-sebab penamatan;
- (51) sebarang opsyen atau syer yang ditawarkan di bawah Skim Penerbitan Syer. Pengumuman mengenai opsyen atau syer yang ditawarkan mesti dibuat pada tarikh tawaran dan mesti merangkumi maklumat berikut:
- (a) tarikh tawaran;
 - (b) harga pelaksanaan opsyen yang ditawarkan, jika berkenaan;
 - (c) bilangan opsyen atau syer yang ditawarkan;
 - (d) harga pasaran sekuritinya pada tarikh tawaran;
 - (e) bilangan opsyen atau syer yang ditawarkan kepada setiap pengarah, jika ada; dan
 - (f) tempoh letak hak opsyen itu atau syer yang ditawarkan; atau
- (52) sebarang skim saham pekerja yang dilaksanakan oleh subsidiari sama ada melalui penerbitan syer baharu atau pemberian syer sedia ada. Pengumuman mengenai skim tersebut mesti merangkumi maklumat berikut:
- (a) terma utama skim saham pekerja yang dilaksanakan oleh subsidiari; dan
 - (b) kesan kewangan (termasuk kesan pencairan, jika ada) skim saham pekerja yang dilaksanakan oleh subsidiari.

9.19A Kemungkinan dalam pembayaran

- (1) Perbadanan tersenarai mesti mengumumkan dengan serta merta kepada Bursa sebarang kemungkinan dalam pembayaran sama ada faedah, jumlah pokok, atau kedua-duanya, berkenaan dengan mana-mana kemudahan kredit atau sekuriti hutang (sama ada tersenarai atau tidak tersenarai di Bursa) oleh perbadanan tersenarai, atau mana-mana subsidiari atau syarikat bersekutunya, dalam kes yang berkenaan, tanpa mengira sama ada suatu tuntutan telah dibuat, jika -
 - (a) jumlah belum jelas dari kemudahan kredit atau sekuriti hutang yang mungkin, sama ada secara tunggal atau kolektif, adalah 5% atau lebih daripada aset bersih perbadanan tersenarai berdasarkan penyata kewangan terkini yang diterbitkan atau diumumkan; atau
 - (b) kemungkinan dalam pembayaran adalah dijangka secara munasabah untuk mempunyai kesan material pada harga, nilai atau aktiviti pasaran mana-mana sekuriti perbadanan tersenarai atau keputusan pemegang atau pelabur sekuriti perbadanan tersenarai dalam menentukan pilihan tindakannya.
- (2) Dalam keadaan di mana perbadanan tersenarai mempunyai aset bersih yang negatif, perbadanan tersenarai mesti mengumumkan dengan serta merta sebarang kemungkinan dalam pembayaran sama ada faedah, jumlah pokok, atau kedua-duanya, berkenaan dengan mana-mana kemudahan kredit atau sekuriti hutang.
- (3) Perbadanan tersenarai mesti merangkumi maklumat yang terkandung dalam Bahagian H (A) Lampiran 9A, di dalam pengumuman kepada Bursa di bawah Subkaedah (1) atau (2) di atas.
- (4) Jika perbadanan tersenarai menyatakan bahawa ia adalah solven ("**Pengisytiharan Kesolvenan**") di dalam pengumuman kepada Bursa di bawah Subkaedah (1) atau (2) di atas, perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa lembaga pengarahnya melaksanakan dan menyerahkan kepada Bursa Perisytiharan Kesolvenan dalam tempoh 3 hari pasaran dari tarikh pengumuman. Untuk tujuan ini, perbadanan tersenarai dianggap sebagai "**solven**" jika majoriti para pengarah berpendapat bahawa perbadanan tersenarai akan mampu membayar semua hutangnya bila tiba waktu ia perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan dari tarikh pengumuman.
- (5) Selepas pengumuman dalam Subkaedah (1) atau (2) di atas, perbadanan tersenarai mesti mengumumkan kepada Bursa -
 - (a) status kemungkinan dalam pembayaran semasa dan langkah-langkah yang telah diambil oleh perbadanan tersenarai untuk mengatasi kemungkinan secara bulanan sehingga ke suatu masa kemungkinan dalam pembayaran dipulihkan; dan
 - (b) sebarang keadaan yang boleh menjadikan Perisytiharan Kesolvenan tidak tepat, dengan serta merta apabila perbadanan tersenarai menyedari hal yang sama.

9.20 Berniaga dalam sekuriti disebut harga

- (1) Perbadanan tersenarai mesti mengumumkan dengan serta merta kepada Bursa sebarang pembelian atau penjualan sekuriti yang disebut harga di Bursa atau mana-mana bursa saham lain ("**sekuriti disebut harga**"), yang dimeterai oleh perbadanan tersenarai atau mana-mana subsidiarinya yang mengakibatkan balasan pembelian atau penjualan apabila diagregatkan dengan mana-mana pembelian atau penjualan lain, masing-masing dalam tempoh 12 bulan sebelumnya (tidak termasuk pembelian atau penjualan sedemikian yang telah diumumkan sebelumnya oleh perbadanan tersenarai menurut Kaedah ini), menjadi 5% atau lebih daripada aset bersih teraudit disatukan yang terkini perbadanan tersenarai. Perbadanan tersenarai mesti merangkumi perkara berikut dalam pengumuman kepada Bursa:

-
- (a) balasan pembelian atau penjualan agregat dalam tempoh 12 bulan sebelumnya yang belum diumumkan sebelumnya dan jumlah tersebut sebagai peratusan daripada aset bersih teraudit disatukan yang terkini perbadanan tersenarai;
 - (b) jumlah kos, nilai buku dan nilai pasaran semua pelaburan dalam sekuriti disebut harga pada tarikh pengumuman; dan
 - (b) apa-apa keuntungan atau kerugian hasil daripada jualan sekuriti disebut harga dalam tahun kewangan semasa.
- (2) Subkaedah (1) di atas tidak terpakai kepada –
- (a) Perbadanan yang aktivitiya dikawal selia oleh mana-mana undang-undang bertulis yang berkaitan dengan perbankan, perbadanan kewangan atau insurans dan tertakluk kepada penyeliaan oleh Bank Negara Malaysia atau pihak berkuasa kawal selia asing yang setara sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Bursa;
 - (b) pembelian atau penjualan sekuriti disebut harga dalam subsidiari atau syarikat bersekutu sedia ada perbadanan tersenarai; dan
 - (c) Organisasi Peserta.

9.21 Perbadanan tersenarai hendaklah mempunyai tapak web

- (1) Setiap perbadanan tersenarai mesti mempunyai tapak webnya sendiri.
- (2) Perbadanan tersenarai mesti menerbitkan maklumat berikut dalam tapak webnya:
 - (a) semua pengumuman yang dibuat kepada Bursa menurut Kehendak-kehendak ini, secepat yang mungkin selepas ia disiarkan dalam tapak web Bursa; dan
 - (b) satu ringkasan perkara-perkara utama yang dibincangkan di mesyuarat agung tahunan, secepat yang mungkin selepas tamatnya mesyuarat agung tahunan.
- (3) Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa tapak webnya mengandungi alamat e-mel, nama-nama orang yang ditugaskan dan nombor hubungan mereka untuk membolehkan awam mengajukan pertanyaan kepada perbadanan tersenarai.
- (4) Perbadanan tersenarai hendaklah memastikan bahawa tapak web terkini, bermaklumat dan mengandungi semua maklumat mungkin berkaitan dengan pemegang syer perbadanan tersenarai termasuk taklimat penganalisis.

BAHAGIAN K – PENZAHIRAN BERKALA

9.22 Laporan Suku Tahunan

- (1) Perbadanan tersenarai mesti mengumumkan kepada Bursa, laporan kewangan sementara yang disediakan secara suku tahunan ("**laporan suku tahunan**"), sebaik sahaja angka-angka tersebut telah diluluskan oleh lembaga pengarah perbadanan tersenarai, dan dalam keadaan apa pun selewat-lewatnya tidak lebih dari 2 bulan selepas akhir setiap suku tahun kewangan.
- (2) Perbadanan tersenarai mesti merangkumi di dalam laporan suku tahunan, maklumat yang dinyatakan dalam Lampiran 9B dan maklumat lain sebagaimana yang boleh dikehendaki oleh Bursa.

- (3) Jika perubahan dalam tahun kewangan dicadangkan oleh perbadanan tersenarai, perbadanan tersenarai tersebut mesti berunding dengan Bursa mengenai tempoh yang akan diliputi oleh laporan suku tahunan itu.

9.23 Terbitan laporan tahunan

- (1) Perbadanan tersenarai mesti menerbitkan laporan tahunannya yang merangkumi penyata kewangan teraudit tahunan bersama-sama laporan juruaudit dan pengarah perbadanan tersenarai, kepada Bursa dan pemegang syer dalam tempoh 4 bulan dari penutupan tahun kewangan perbadanan tersenarai.
- (2) [Dipotong]

9.23A Penyata kewangan teraudit interim disebabkan perubahan dalam tahun kewangan

Jika perbadanan tersenarai melanjutkan akhir tahun kewangannya melebihi 18 bulan dari akhir tahun kewangan yang terakhir, Bursa boleh menghendaki perbadanan tersenarai untuk menerbitkan penyata kewangan teraudit interim untuk tempoh 18 bulan atau tempoh sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Bursa.

9.24 [Dipotong]

9.25 Penzahiran dalam laporan tahunan

- (1) Perbadanan tersenarai mesti menyatakan secara berasingan di dalam laporan tahunannya, perkara-perkara yang dinyatakan dalam Lampiran 9C melainkan syarat-syarat berikut dipenuhi:
- (a) maklumat yang telah diumumkan sebelumnya atau dizahirkan kepada para pemegang syer menurut Kehendak-kehendak ini, atau kekal tidak berubah secara substansial dari tahun ke tahun;
 - (b) perbadanan tersenarai menerbitkan maklumat tersebut di tapak webnya; dan
 - (c) perbadanan tersenarai menzahirkan di dalam laporan tahunan, alamat tapak webnya dan lokasi dalam tapak web di mana maklumat itu dapat diakses.
- (2) Melainkan ditentukan dengan cara lain dalam Lampiran 9C, maklumat yang diberikan menurut Lampiran 9C mestilah maklumat yang dikemas kini tidak lebih awal dari 6 minggu dari tarikh notis mesyuarat agung tahunan di dalam laporan tahunan perbadanan tersenarai.

9.26 [Dipotong]

9.27 Pengisytiharan berkanun berhubung akaun

Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa pengarah atau orang yang bertanggungjawab secara utama untuk pengurusan kewangan perbadanan tersenarai, dalam kes yang berkenaan, yang menandatangani pengisytiharan berkanun menurut seksyen 251(1)(b) Akta Syarikat ("penandatanganan") memenuhi kehendak berikut:

- (a) penandatanganan adalah anggota Institut Akauntan Malaysia; atau
- (b) jika penandatanganan bukan anggota Institut Akauntan Malaysia, penandatanganan mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya 3 tahun dan -
 - (i) telah lulus peperiksaan yang ditentukan dalam Bahagian I Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau

- (ii) adalah anggota salah satu dari persatuan akauntan yang ditentukan dalam Bahagian II Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau
- (c) penandatanganan memenuhi kehendak lain sedemikian sebagaimana ditetapkan atau diluluskan oleh Bursa.

[Rujukan silang: Nota Panduan 9]

9.28 Penggantungan atau pembatalan penyenaiaan kerana gagal untuk mematuhi

- (1) Perbadanan tersenarai mesti mematuhi rangka masa yang dinyatakan dalam Kaedah 9.22 dan 9.23 di atas atau sebarang pelanjutan masa yang diberikan oleh Bursa (rangka masa dan pelanjutan masa yang diberikan oleh Bursa, jika ada, akan secara individu atau bersama, mengikut konteks yang diperlukan, disebut sebagai "**Rangka Masa Berkaitan**").
- (2) Perbadanan tersenarai yang ingin meminta pelanjutan masa yang disebut dalam Subkaedah (1) di atas mesti melakukannya selewat-lewatnya 15 hari sebelum luput Rangka Masa Berkaitan, sekiranya gagal, Bursa tidak akan mempertimbangkan permohonan tersebut. Perbadanan tersenarai mesti mengumumkan dengan serta merta kepada Bursa apa-apa lanjutan masa yang diberikan berhubung permohonan tersebut.
- (3) Jika perbadanan tersenarai menyedari atau mempunyai sebab-sebab untuk mempercayai bahawa ia tidak akan dapat menerbitkan laporan suku tahunan atau laporan tahunannya, dalam kes yang berkenaan, (disebut secara individu atau bersama, mengikut konteks yang diperlukan, sebagai "**Penyata Kewangan Tertanggung**") dalam Rangka Masa Berkaitan, ia mesti mengumumkannya dengan serta merta kepada Bursa atau dalam keadaan apa pun, selewat-lewatnya 3 hari pasaran sebelum luput Rangka Masa Berkaitan.
- (3A) Perbadanan tersenarai mesti mengumumkan status penerbitan Penyata Kewangan Tertanggung pada atau sebelum hari terakhir pasaran setiap bulan berikutan tarikh peluputan Rangka Masa Berkaitan sehingga penerbitan Penyata Kewangan tertanggung.
- (4) Perbadanan tersenarai mesti merangkumi -
 - (a) di dalam pengumuman di bawah Subkaedah (3) di atas, semua maklumat yang terkandung dalam Bahagian I Lampiran 9A; dan
 - (b) di dalam pengumuman di bawah Subkaedah (3A) di atas, maklumat berikut:
 - (i) sebab-sebab untuk terus gagal untuk menerbitkan Penyata Kewangan tertanggung;
 - (ii) Tarikh penerbitan Penyata Kewangan tertanggung, yang dijangkakan; dan
 - (iii) langkah-langkah yang telah diambil atau dicadangkan untuk diambil untuk menerbitkan Penyata Kewangan tertanggung pada tarikh pengeluaran yang dijangkakan.
- (5) Jika perbadanan tersenarai gagal menerbitkan Penyata Kewangan tertanggung dalam tempoh 5 hari pasaran setelah peluputan Rangka Masa Berkaitan (hari terakhir tempoh 5 hari pasaran ini disebut dalam Bahagian K ini sebagai "**Tarikh Akhir Penggantungan**"), selain dari sebarang tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil oleh Bursa, Bursa akan menggantung perdagangan dalam sekuriti perbadanan tersenarai tersebut. Penggantungan tersebut akan berkuat kuasa pada hari pasaran berikut selepas Tarikh Akhir Penggantungan dan akan diangkat pada hari pasaran berikutan penerbitan Penyata Kewangan tertanggung melainkan ditentukan pada tarikh lain yang ditentukan oleh Bursa.

- (6) Jika perbadanan tersenarai gagal menerbitkan Penyata Kewangan tertanggung dalam tempoh 6 bulan dari peluputan Rangka Masa Berkaitan, sebagai tambahan kepada tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil oleh Bursa, Bursa akan memulakan prosedur pembatalan penyenaraian terhadap perbadanan tersenarai tersebut.
- (7) Bagi maksud Kaedah ini, "menerbitkan" ertinya mengumumkan kepada Bursa atau mengeluarkan kepada pemegang syer sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kaedah 9.22 atau 9.23, dalam kes yang berkenaan.

9.29 Memorandum Persefahaman

Perbadanan tersenarai mesti mengumumkan dengan serta merta kepada Bursa mengenai status mana-mana memorandum persefahaman yang telah dimeterai antara perbadanan tersenarai dan pihak ketiga dan yang telah diumumkan sebelumnya sekurang-kurangnya sekali setiap suku tahun atau lebih kerap, apabila berlaku perubahan material, yang mana lebih awal.

BAHAGIAN L – PEKELILING DAN KEHENDAK LAIN

9.30 [Dipotong]

9.30A Pekeliling draf dan dokumen lain

- (1) Perbadanan tersenarai atau penawar di dalam suatu tawaran untuk jualan sekuriti tersenarai mesti menyerahkan kepada Bursa untuk diteliti, 1 salinan draf semua pekeliing dan dokumen lain yang dicadangkan untuk dihantar kepada pemegang sekuriti, dalam tempoh masa yang munasabah sebelum cetakan bersama-sama senarai semak yang menunjukkan pematuhan dengan bahagian yang berkaitan Kehendak-kehendak ini.
- (2) Subkaedah (1) di atas tidak terpakai untuk dokumen berikut:
 - (a) laporan tahunan;
 - (b) apa-apa dokumen yang akan dihantar kepada pemegang sekuriti berhubung pengambilalihan oleh atau berkenaan dengan sebuah perbadanan tersenarai tidak termasuk pekeliing yang akan dikeluarkan oleh perbadanan tersenarai, mencadangkan untuk melaksanakan atau sedang melaksanakan pengambilalihan, kepada pemegang sekuriti menurut Bab 10 Kehendak-kehendak ini;
 - (c) sebarang dokumen yang bukan disediakan oleh perbadanan tersenarai atau penasihatnya bagi pihaknya; dan
 - (d) dokumen lain sedemikian sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa tertakluk kepada kehendak tersebut sebagaimana yang boleh dikenakan oleh Bursa.
- (3) Perbadanan tersenarai atau penawar mesti tidak mengeluarkan apa-apa dokumen yang disebut dalam Subkaedah (1) di atas sehingga Bursa mengesahkan secara tertulis bahawa ia tiada lagi mempunyai ulasan lebih lanjut mengenai dokumen tersebut.
- (4) Jika penasihat dilantik oleh perbadanan tersenarai atau penawar untuk penyiapan dan/atau penyerahan dokumen yang disebut dalam Subkaedah (1) di atas kepada Bursa, penasihat tersebut juga mesti mematuhi Subkaedah (1) dan (3) di atas.

- (5) Jika pekeliling atau dokumen dikehendaki untuk disemak oleh Penasihat atau Penaja, perbadanan tersenarai mesti menyertakan satu pernyataan di dalam pekeliling atau dokumen bahawa pekeliling atau dokumen itu telah disemak oleh Penasihat atau Penaja perbadanan tersenarai, dalam kes yang berkenaan.

[Rujukan silang : Nota Panduan 22]

9.30B Kualiti dokumen draf

Seorang yang menyerahkan kepada Bursa pekeliling draf atau dokumen draf lain menurut Kaedah 9.30A di atas mesti memastikan bahawa dokumen tersebut tepat dan lengkap. Bursa berhak untuk mengembalikan mana-mana dokumen yang tidak lengkap atau dianggap tidak memuaskan menurut pendapat Bursa.

9.31 [Dipotong]

9.32 Pengeluaran pekeliling atau dokumen

- (1) Jika perbadanan tersenarai mengumumkan cadangan korporat (termasuk transaksi), dan menurut Kehendak-kehendak ini, satu pekeliling atau dokumen diperlukan untuk dikeluarkan kepada pemegang sekuriti berhubung cadangan korporat tersebut -
- (a) perbadanan tersenarai tersebut mesti menyerahkan pekeliling atau dokumen draf kepada Bursa atau mengeluarkan pekeliling atau dokumen dalam kes yang berkenaan, selaras dengan Kehendak-kehendak ini secepat mungkin dan dalam hal apa pun selewat-lewatnya 2 bulan dari tarikh pengumuman atau tarikh kelulusan terakhir yang diperlukan untuk cadangan korporat diperoleh daripada pihak berkuasa yang berkaitan, yang mana terkemudian; dan
 - (b) perbadanan tersenarai tersebut mesti mengeluarkan pekeliling atau dokumen dalam tempoh 14 hari pasaran selepas penerimaan -
 - (i) pengesahan Bursa bahawa ia tidak mempunyai ulasan lebih lanjut; atau
 - (ii) kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkaitan lain berkenaan dengan cadangan korporat, jika kelulusan tersebut diperlukan,yang mana terkemudian.
- (2) Rangka masa yang ditetapkan di bawah Subkaedah (1) (b) di atas tidak terpakai kepada pekeliling atau dokumen untuk mana-mana tujuan berikut:
- (a) perolehan mandat pemegang syer berkaitan dengan Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan yang ditakrifkan dalam Kaedah 10.02 dan pembelian balik syer yang bertepatan dengan mesyuarat agung tahunan;
 - (b) pemberitahuan kematangan sekuriti;
 - (c) pemberitahuan pertukaran syer, panggilan balik atau pengurangan;
 - (d) pemberitahuan pembahagian kecil syer; atau
 - (e) apa-apa cadangan atau tindakan korporat lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bursa dari semasa ke semasa.

9.33 Dokumen untuk pemegang sekuriti luar negara

Perbadanan tersenarai mesti mengajukan semua dokumen untuk pemegang sekuriti luar negara perbadanan tersenarai melalui pos udara atau sebarang bentuk penghantaran yang lebih cepat.

9.34 [Dipotong]**BAHAGIAN L(A) – PIAWAIAN PENZAHIRAN UNTUK PENGUMUMAN DAN PEKELILING****9.35 Piawaian penzahiran untuk pengumuman dan pekeliling**

- (1) Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa setiap pengumuman awam dan apa-apa pekeliling yang dikeluarkan kepada pemegang sekuriti syarikat tersenarai -
 - (a) adalah berasaskan fakta, bersih, jelas, tepat, ringkas dan mengandungi maklumat yang mencukupi untuk membolehkan pemegang sekuriti dan pelabur membuat keputusan pelaburan yang berpengetahuan;
 - (b) tidak salah, mengelirukan atau menipu;
 - (c) tidak mengandungi apa-apa bahasa yang menghasut, memfitnah atau penuh skandal terhadap orang lain;
 - (d) adalah seimbang dan adil. Oleh itu, pengumuman atau pekeliling mesti mengelakkan, antara lain -
 - (i) ketinggalan fakta-fakta material;
 - (ii) ketinggalan fakta-fakta material yang tidak disenangi, atau pengurangan fakta tersebut (mis. dengan "menguburkannya" di penghujung pengumuman atau pekeliling);
 - (iii) pembentangan kemungkinan yang disenangi sebagai pasti, atau lebih berkemungkinan daripada keadaan yang sebenar;
 - (iv) pembentangan mengenai sebarang prestasi, kejadian atau perkara masa hadapan (termasuk melakukan, atau menolak untuk melakukan, apa-apa tindakan) tanpa justifikasi yang mencukupi (disokong oleh asas dan andaian yang betul) atau apa-apa pendirian yang munasabah untuk membuat pembentangan tersebut;
 - (v) pembentangan anggaran, ramalan atau unjuran kewangan tanpa asas dan andaian yang munasabah, atau sandaran dasar dan andaian perakaunan tanpa semakan oleh juruaudit luar atau akauntan pelaporan, dalam kes yang berkenaan;
 - (vi) pernyataan negatif yang disusun untuk menghasilkan implikasi positif; atau
 - (vii) penggunaan jargon penajaan yang diatur untuk mendorong pelaburan atau menimbulkan minat terhadap sekuriti perbadanan tersenarai;
 - (e) mengelakkan bahasa yang terlalu teknikal, dan diungkapkan seboleh mungkin dalam bahasa yang difahami oleh orang biasa; dan

-
- (f) menjelaskan, bahawa maklumat dalam pengumuman mengenai sasaran dalaman adalah semata-mata sasaran pengurusan dalaman atau aspirasi yang ingin dicapai oleh perbadanan tersenarai dan bukan anggaran, ramalan atau unjuran kewangan.
- (2) Perbadanan tersenarai mesti memastikan bahawa anggaran, ramalan atau unjuran kewangan yang disiarkan telah disediakan mematuhi Bab 9 dan 10 di Penggal 1, Bahagian II Garis Panduan Prospektus Suruhanjaya Sekuriti Malaysia berhubung maklumat kewangan masa hadapan. Selain itu, sandaran dasar dan andaian perakaunan mengenai anggaran, ramalan atau unjuran kewangan mesti disemak oleh juruaudit luar atau akauntan pelapor, dalam kes yang berkenaan, selaras dengan Bab 9 dan 10 di Penggal 1, Bahagian II dari Garis Panduan Prospektus Suruhanjaya Sekuriti Malaysia berhubung maklumat kewangan masa depan, kecuali jika anggaran, ramalan atau unjuran kewangan dikehendaki untuk disiarkan dengan segera sebagai respons terhadap laporan media.
- (3) Penasihat juga mesti mematuhi Subkaedah (1) dan (2) di atas jika penasihat dilantik oleh perbadanan tersenarai untuk menyediakan atau menyerahkan pengumuman atau pekeliling.
- (4) Perbadanan tersenarai atau penasihatnya tidak melakukan pelanggaran terhadap Subkaedah (1), (2) atau (3) di atas, dalam kes yang berkenaan, jika orang tersebut membuktikan bahawa -
- (a) dia telah membuat semua siasatan sebagaimana yang munasabah dalam keadaan itu; dan
 - (b) setelah membuat siasatan tersebut, dia berpendirian yang munasabah untuk mempercayai dan telah mempercayai sehingga penyerahan pengumuman atau pengeluaran pekeliling bahawa pengumuman atau pekeliling itu memenuhi kehendak Subkaedah (1) atau (2) di atas .
- (5) Jika mana-mana pengumuman telah diserahkan kepada Bursa atau mana-mana pekeliling telah dikeluarkan dan perbadanan tersenarai atau penasihat menyedari kemudian bahawa pengumuman atau pekeliling mungkin tidak memenuhi kehendak Subkaedah (1) atau (2) di atas, orang itu mesti memberitahu Bursa dengan serta merta mengenainya.

[Bab tamat]

LAMPIRAN 9A**Bahagian A****Kandungan pengumuman berhubung pelantikan seorang pengarah**
(Kaedah 9.19(12))

- (a) Nama, umur, jantina, kewarganegaraan, kelayakan dan sama ada jawatan itu adalah eksekutif atau bukan eksekutif dan sama ada pengarah tersebut adalah pengarah bebas.
- (b) Pengalaman kerja dan pekerjaan.
- (c) Mana-mana penjawatan pengarah lain dalam syarikat awam dan perbadanan tersenarai.
- (d) Apa-apa perhubungan keluarga dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang syer utama perbadanan tersenarai.
- (e) Apa-apa percanggahan kepentingan yang orang itu ada dengan perbadanan tersenarai.
- (f) Perincian mengenai sebarang kepentingan dalam sekuriti perbadanan tersenarai atau subsidiarinya.

Bahagian B**Kandungan pengumuman berhubung pelantikan seorang ketua eksekutif**
(Kaedah 9.19(14))

- (a) Nama, umur, jantina, kewarganegaraan dan kelayakan.
- (b) Pengalaman kerja.
- (c) Mana-mana penjawatan pengarah lain dalam syarikat awam dan perbadanan tersenarai.
- (d) Apa-apa perhubungan keluarga dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang syer utama perbadanan tersenarai.
- (e) Jika ketua eksekutif bukan pengarah perbadanan tersenarai, sama ada penerima pelantikan ada apa-apa percanggahan kepentingan dengan perbadanan tersenarai atau subsidiarinya.
- (f) Perincian mengenai apa-apa kepentingan dalam sekuriti perbadanan tersenarai atau subsidiarinya.

Bahagian B(A)**Kandungan pengumuman berhubung pelantikan ketua pegawai kewangan**
(Kaedah 9.19(14A))

- (a) Nama, umur, jantina, kewarganegaraan dan kelayakan.
- (b) Pengalaman kerja.
- (bA) Mana-mana penjawatan pengarah lain dalam syarikat awam dan perbadanan tersenarai.
- (c) Apa-apa perhubungan keluarga dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang syer utama perbadanan tersenarai

- (d) Sama ada penerima pelantikan ada percanggahan kepentingan dengan perbadanan tersenarai atau subsidiarinya.
- (e) Perincian apa-apa kepentingan dalam sekuriti perbadanan tersenarai atau subsidiarinya.

Bahagian B(B)**Kandungan pengumuman berhubung pertukaran wakil sah (atau orang berkuasa yang setara, walau bagaimana pun penerangannya)**
(Kaedah 9.19(14B))

- (a) Identiti, kelayakan, pengalaman, pekerjaan, kuasa dan tanggungjawab orang tersebut.
- (b) Risiko berhubung pelantikan itu, termasuk penumpuan kuasa dan halangan untuk pemecatan orang tersebut.
- (c) Penerangan mengenai proses dan prosedur yang diterapkan untuk mengurangkan risiko berhubung pelantikan dan pendapat oleh lembaga pengarah mengenai kecukupan proses itu.
- (d) Sebab-sebab untuk perubahan, jika berkenaan.

Bahagian C**Kandungan pengumuman berhubung pembubaran**
(Kaedah 9.19(20))

- (a) Tarikh penyampaian petisyen pembubaran dan tarikh petisyen pembubaran diserahkan kepada perbadanan tersenarai, subsidiarinya atau syarikat bersekutu utamanya, dalam kes yang berkenaan.
- (b) Butir-butir tuntutan di bawah petisyen berkenaan, termasuk jumlah yang dituntut di bawah petisyen dan kadar faedah.
- (c) Perincian mengenai pengingkaran atau keadaan yang membawa kepada serahan simpan petisyen pembubaran terhadap perbadanan tersenarai, subsidiari atau syarikat bersekutu utamanya, dalam kes yang berkenaan.
- (d) Jika pembubaran adalah terhadap suatu subsidiari, satu pengesahan sama ada subsidiari adalah subsidiari utama.
- (e) Jika pembubaran adalah terhadap suatu subsidiari atau syarikat bersekutu utama, jumlah kos pelaburan dalam subsidiari atau syarikat bersekutu utama tersebut.
- (f) Kesan kewangan dan operasi dari pembubaran pada kumpulan.
- (g) Kerugian yang dijangkakan, jika ada, akibat dari pembubaran.
- (h) Langkah-langkah yang telah diambil dan dicadangkan untuk diambil oleh perbadanan tersenarai berkenaan berkenaan dengan prosiding pembubaran.

Bahagian D**Kandungan pengumuman berhubung pelantikan penerima, pengurus atau penerima dan pengurus atau orang dari kapasiti yang sama.**

(Kaedah 9.19(21))

- (a) Tarikh pelantikan.
- (b) Perincian mengenai perbadanan yang berada di bawah penerima, pengurus atau penerima dan pengurus atau orang lain dalam kapasiti yang serupa.
- (c) Jika pelantikan adalah berkenaan dengan subsidiari atau syarikat bersekutu, satu pengesahan sama ada subsidiari atau syarikat bersekutu itu adalah subsidiari utama atau syarikat bersekutu utama, dalam kes yang berkenaan.
- (d) Nilai buku bersih dari aset terjejas.
- (e) Perincian mengenai peristiwa yang membawa kepada pelantikan penerima, pengurus atau penerima dan pengurus atau orang lain dari kapasiti serupa.
- (f) Kesan kewangan dan operasi pelantikan tersebut kepada kumpulan, jika ada.
- (g) Kerugian yang dijangkakan, jika ada, akibat dari pelantikan tersebut.
- (h) Langkah-langkah yang telah diambil atau dicadangkan untuk diambil oleh perbadanan tersenarai berkenaan dengan pelantikan tersebut.

Bahagian E**Kandungan pengumuman berhubung pelantikan pentadbir khas atau or penyelesaian (yang termasuk penyelesaian sementara)**

(Kaedah 9.19(21))

- (a) Tarikh pelantikan.
- (b) Butir-butir pentadbir khas atau penyelesaian.
- (c) Perincian mengenai peristiwa yang membawa kepada pelantikan pentadbir khas atau penyelesaian.
- (d) Bidang tugas pentadbir khas atau penyelesaian.
- (e) Kesan kewangan dan operasi mengenai pelantikan kepada kumpulan, jika ada.
- (f) Kesan pelantikan terhadap operasi perniagaan perbadanan tersenarai.
- (g) Langkah-langkah yang telah diambil atau dicadangkan untuk diambil oleh perbadanan tersenarai berkenaan dengan pelantikan pentadbir khas atau penyelesaian.
- (h) Peranan lembaga pengarah memandangkan perkembangan pelantikan pentadbir khas atau penyelesaian.

Bahagian F**Kandungan pengumuman berhubung perintah sekatan**
(Kaedah 9.19(22))

- (a) Tarikh permulaan dan tempoh perintah mahkamah.
- (b) Perincian peristiwa yang membawa kepada pemberian perintah mahkamah.
- (c) Kesan kewangan dan operasi kepada kumpulan, jika ada.
- (d) Perincian skim yang dicadangkan.

Bahagian G**Kandungan pengumuman berhubung resit depositori**
(Kaedah 9.19(43))

- (a) Bilangan dan nama penjaga yang memegang sekuriti yang mana resit deposit diterbitkan.
- (b) Jumlah bilangan dan peratusan sekuriti yang mana resit depositori diterbitkan berbanding jumlah bilangan syer diterbitkan oleh perbadanan tersenarai dan pecahan mengenai yang sama berkenaan dengan sekuriti yang dipegang oleh setiap penjaga.
- (c) Nama bank depositori.
- (d) Pasaran saham di mana resit depositori diperdagangkan (jika ada).
- (e) Sebarang terma material lain.

Bahagian H**Kandungan pengumuman berhubung penilaian aset bukan semasa**
(Kaedah 9.19(46))

- (a) Tujuan penilaian.
- (b) Lebihan atau defisit penilaian semula dalam kes yang berkenaan.
- (c) Kesan dari lebihan atau defisit penilaian semula terhadap aset bersih sesyer kumpulan.
- (d) Nama jurunilai.
- (e) Tarikh penilaian.
- (f) Nilai yang diletakkan pada aset oleh jurunilai.

BAHAGIAN H(A)**Kandungan pengumuman berhubung kemungkiran dalam pembayaran**
(Kaedah 9.19A)

- (a) Tarikh kemungkiran dalam pembayaran.

-
- (b) Sebab-sebab kemungkiran dalam pembayaran.
 - (c) Langkah-langkah oleh perbadanan tersenarai untuk mengatasi kemungkiran dalam pembayaran.
 - (d) Implikasi undang-undang terhadap kemungkiran dalam pembayaran termasuk setakat mana liabiliti perbadanan tersenarai berkenaan dengan kewajipan yang dikenakan di bawah perjanjian untuk keberhutangan itu.
 - (e) Kesan dari kemungkiran dalam pembayaran pada perniagaan, kewangan dan operasi perbadanan tersenarai.
 - (f) Sekiranya kemungkiran dalam pembayaran adalah berkenaan dengan stok pinjaman atau bon yang dijamin, garis tindakan yang tersedia kepada penjamin atau pemegang sekuriti terhadap perbadanan tersenarai.
 - (g) Sekiranya kemungkiran dalam pembayaran adalah berkaitan dengan bayaran di bawah suatu debentur, untuk menentukan sama ada kemungkiran dalam bayaran akan memberi kuasa kepada pemegang debentur untuk melantik seorang penerima atau penerima dan pengurus.
 - (h) Sama ada kemungkiran dalam pembayaran merupakan kejadian kemungkiran di bawah perjanjian untuk keberhutangan lain (kemungkiran silang) dan perincian untuk mana-mana kemungkiran lain, jika berkenaan.
 - (i) Jika kemungkiran dalam pembayaran adalah berkaitan dengan subsidiari atau syarikat bersekutu, satu pengesahan sama ada subsidiari atau syarikat bersekutu itu adalah subsidiari atau syarikat bersekutu utama, dalam kes yang berkenaan.
 - (j) Jika kemungkiran dalam pembayaran adalah berkenaan dengan perbadanan tersenarai, subsidiari utama atau syarikat bersekutu utama, dalam kes yang berkenaan, satu pernyataan sama ada perbadanan tersenarai adalah solven.
 - (k) Sebarang maklumat lain yang mungkin dikehendaki oleh Bursa dari semasa ke semasa.

Bahagian I

Maklumat mengenai penggantungan disebabkan kelewatan penerbitan laporan suku tahunan atau laporan tahunan (Kaedah 9.28(4))

- (a) Sebab-sebab untuk gagal menerbitkan Penyata Kewangan tertanggung dalam tempoh Rangka Masa Berkaitan.
- (b) Satu pernyataan bahawa penggantungan perdagangan akan dikuatkuasakan pada hari pasaran berikutnya selepas peluputan 5 hari pasaran Rangka Masa Berkaitan.
- (c) Tarikh penggantungan perdagangan akan berkuat kuasa.
- (d) Garis masa tentatif berkenaan dengan langkah-langkah yang telah diambil atau dicadangkan untuk diambil untuk menerbitkan Penyata Kewangan tertanggung, dan status pematuhan dengan garis masa tersebut.
- (e) Tarikh penerbitan Penyata Kewangan tertanggung yang dijangkakan.

Bahagian J**Kandungan pengumuman berhubung tawaran pengambilalihan**
(Kaedah 9.19(48))

- (1) Berhubung tawaran pengambilalihan, sama ada niat penawar adalah untuk mengekalkan status penyenaian perbadanan tersenarai.
- (2) Pernyataan yang mengandungi sama ada (a) atau (b) di bawah.
 - (a) Jika niat pembekal adalah untuk mengekalkan status penyenaian perbadanan tersenarai -
 - (i) peratusan spread pemegang syer awam;
 - (ii) pernyataan bahawa perdagangan sekuriti perbadanan tersenarai akan digantung dengan serta-merta sebaik sahaja peluputan tempoh 30 hari pasaran dari tarikh pengumuman segera oleh perbadanan tersenarai. Penggantungan hanya akan diangkat oleh Bursa setelah pematuhan sepenuhnya dengan spread pemegang syer awam oleh perbadanan tersenarai di bawah Kaedah 8.02 (1) atau yang ditentukan oleh Bursa;
 - (iii) langkah-langkah yang diambil atau dicadangkan untuk diambil oleh syarikat tersenarai (jika ada) untuk meningkatkan spread pemegang syer awamnya sehingga melebihi 10% sebelum tarikh penggantungan dilaksanakan;
 - (iv) penjelasan mengenai pelan penyelarasan (jika ada);
 - (v) rangka masa tentatif untuk langkah-langkah yang disebut dalam subperenggan (iii) di atas dan pelan penyelarasan; dan
 - (vi) jika langkah-langkah yang disebut dalam subperenggan (iii) di atas atau pelan penyelarasan tidak dirumuskan atau jika tiada usaha diambil untuk merumuskan langkah-langkah atau pelan penyelarasan tersebut, pernyataan negatif yang sesuai untuk hal itu; atau
 - (b) Jika niat penawar adalah untuk membatalkan penyenaian perbadanan tersenarai, bahawa dagangan dalam sekuriti perbadanan tersenarai akan digantung dengan serta merta sebaik sahaja peluputan 5 hari pasaran dari penutupan tempoh tawaran.

[Lampiran tamat]

LAMPIRAN 9B**Laporan suku tahunan**

(Kaedah 9.22(2))

- (1) Analisis terperinci mengenai prestasi semua segmen operasi kumpulan, yang menyatakan faktor material yang mempengaruhi pendapatan atau perolehan setiap segmen untuk suku tahun semasa dan tahun berakhir kewangan hingga kini.
- (2) Ulasan penjelasan mengenai apa-apa perubahan material dalam keuntungan sebelum cukai untuk suku tahunan yang dilaporkan dibandingkan dengan suku tahun terakhir sebelumnya.
- (3) Ulasan mengenai perkara berikut:
 - (a) prospek, termasuk faktor yang berkemungkinan mempengaruhi prospek perbadanan untuk baki tempoh hingga akhir tahun kewangan atau tahun kewangan berikutnya jika tempoh pelaporan adalah suku terakhir; dan
 - (b) kemajuan perbadanan untuk mencapai anggaran, ramalan, unjuran kewangan atau sasaran dalaman pada baki tempoh hingga akhir tahun kewangan dan tempoh ramalan yang diumumkan sebelumnya atau dizahirkan di dalam dokumen awam dan langkah-langkah yang telah diambil atau dicadangkan untuk diambil untuk mencapai anggaran, ramalan, unjuran kewangan atau sasaran dalaman.
- (4) Pernyataan pendapat lembaga pengarah sama ada anggaran, ramalan, unjuran kewangan atau sasaran dalaman pada baki tempoh hingga akhir tahun kewangan dan tempoh ramalan yang diumumkan sebelumnya atau dizahirkan di dalam dokumen awam berkemungkinan akan dicapai.
- (5) Catatan penjelasan untuk mana-mana (hanya terpakai kepada suku tahun akhir untuk perbadanan yang telah diumumkan atau dizahirkan sebelumnya satu anggaran, ramalan atau unjuran kewangan, atau jaminan keuntungan dalam dokumen awam) -
 - (a) varian keuntungan sebenar selepas cukai dan kepentingan bukan mengawal dan keuntungan selepas cukai dan kepentingan bukan mengawal yang dinyatakan dalam anggaran, ramalan atau unjuran kewangan (jika varian melebihi 10%); dan
 - (b) kekurangan dalam jaminan keuntungan yang diterima oleh perbadanan (jika ada) dan langkah-langkah yang telah diambil untuk memulihkan kekurangan tersebut.
- (6) Pecahan caj cukai dan satu penjelasan mengenai varian antara kadar cukai efektif dan berkanun untuk suku tahun semasa dan tahun berakhir kewangan hingga kini.
- (7) [Dipotong]
- (8) [Dipotong]
- (9)
 - (a) Status cadangan korporat yang telah diumumkan tetapi belum disempurnakan pada tarikh boleh dipraktik terakhir yang tidak boleh lebih awal daripada 7 hari dari tarikh penerbitan laporan suku tahunan.
 - (b) Jika berkenaan, penjelasan ringkas mengenai status penggunaan hasil yang diperoleh dari mana-mana cadangan korporat, termasuk tawaran awam permulaan, yang mesti merangkumi maklumat yang ditentukan dalam jadual berikut:

Tujuan	Cadangan Penggunaan	Penggunaan Sebenar	Rangka Masa Dijangka untuk Penggunaan	Sisihan		Penjelasan (jika sisihan adalah 5% atau lebih)
	RM'000	RM'000		Jumlah RM'000	%	
(i)						
(ii)						
(iii)						
(iv)						
(v)						
Jumlah						
(10)	Peminjaman kumpulan dan sekuriti hutang pada akhir tempoh pelaporan -					
(a)	sama ada bercagar atau tidak, dan pecahan antara yang bercagar dan tidak bercagar, jika berkenaan;					
(b)	pecahan antara pinjaman jangka pendek dan jangka panjang; dan					
(c)	sama ada berdominasi dalam mata wang asing, dan pecahan hutang/pinjaman dalam setiap mata wang, jika berkenaan.					
(11)	[Dipotong]					
(12)	Perubahan litigasi material (termasuk status proses mana-mana litigasi material belum selesai) sejak tarikh penyata kedudukan kewangan tahunan terakhir yang mesti dikemas kini tidak lebih awal dari 7 hari dari tarikh terbitan laporan suku tahunan.					
(13)	Dividen: Untuk disempurnakan jika keputusan mengenai dividen telah dibuat. (Nyatakan sama ada jumlah dividen adalah sebelum cukai, bersih cukai atau dikecualikan cukai dan jika sebelum cukai atau selepas cukai, nyatakan kadar cukai):					
(a)	(i)	dividen biasa interim/akhir belum/sudah diisytiharkan/disyorkan;				
	(ii)	jumlah sesyer ... sen;				
	(iii)	tempoh yang sama sebelumnya... sen;				
	(iv)	tarikh perlu dibayar...; dan				
	(v)	berkenaan dengan sekuriti yang didepositkan, hak kepada dividen akan ditentukan berdasarkan rekod pendeposit pada... .hh/bb/tttt; dan				
(b)	jumlah dividen untuk tahun kewangan semasa...sen					
(14)	Untuk menzahirkan perkara berikut mengenai pendapatan sesyer:					
(a)	jumlah yang digunakan sebagai pengangka dalam mengira pendapatan asas dan dcairkan sesyer dan penyelarasan jumlah itu kepada keuntungan atau kerugian bersih untuk tempoh pelaporan; dan					

-
- (b) purata berwajaran bilangan syer biasa yang digunakan sebagai penyebut dalam mengira pendapatan asas dan dicairkan sesyer, dan penyelarasan penyebut ini kepada satu sama lain.
- (15) Jika laporan audit penyata kewangan tahunan perbadanan tersenarai untuk tahun kewangan sebelumnya mengandungi pendapat yang diubah atau ketakpastian material berkaitan dengan kemampuan, penzahiran perkara berikut:
- (a) pendapat yang diubah atau ketakpastian material berkaitan kemampuan dan
 - (b) status perkara-perkara audit utama yang berkaitan dengan pendapat yang diubah atau ketakpastian material yang berkaitan dengan kemampuan (termasuk langkah-langkah yang diambil (jika ada) untuk mengatasi perkara-perkara tersebut).
- (16) Butiran berikut mesti dimasukkan sama ada dalam penyata untung dan rugi dan pendapatan komprehensif lain atau di dalam nota kepada penyata untung dan rugi dan pendapatan komprehensif lain untuk suku tahun semasa dan tahun berakhir kewangan sehingga kini:
- (a) pendapatan faedah;
 - (b) pendapatan lain termasuk pendapatan pelaburan;
 - (c) perbelanjaan faedah;
 - (d) susut nilai dan pelunasan;
 - (e) peruntukan untuk dan penghapusan akaun belum terima;
 - (f) peruntukan dan penghapusan inventori;
 - (g) keuntungan atau kerugian atas pelupusan pelaburan atau harta tanah yang disebut harga atau tidak disebut harga;
 - (h) rosot nilai aset;
 - (i) keuntungan atau kerugian pertukaran asing;
 - (j) keuntungan atau kerugian atas derivatif; dan
 - (k) butiran luar biasa (dengan perincian)
- Jika mana-mana butiran di atas tidak terpakai untuk perbadanan tersenarai, pernyataan untuk hal itu.
- (17) Penyata aliran tunai mesti merangkumi perincian komponen utama pada setiap aktiviti berikut:
- (a) aktiviti operasi perbadanan tersenarai;
 - (b) aktiviti pelaburan perbadanan tersenarai; dan
 - (c) aktiviti pembiayaan perbadanan tersenarai.
- (18) Jika perbadanan tersenarai telah memeterai sebarang derivatif, maklumat berikut:

- (a) penerangan mengenai jenis semua derivatif belum jelas (termasuk instrumen kewangan yang ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai) pada tarikh penyata kedudukan kewangan, yang mesti merangkumi maklumat yang ditentukan untuk setiap jenis derivatif, di dalam jadual seperti berikut:

Jenis Derivatif	Kontrak/Nilai Nosional pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan (RM juta)	Nilai Saksama pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan (RM juta)
(i) Kontrak Jenis "A" (contohnya, Kontrak Bahan Bakar)		
- Kurang dari 1 tahun	X	X
- 1 tahun ke 3 tahun	X	X
- Lebih dari 3 tahun	X	X
(ii) Kontrak Jenis "B" (contohnya, Kontrak Tukaran Asing)		
- Kurang dari 1 tahun	X	X
- 1 tahun ke 3 tahun	X	X
- Lebih dari 3 tahun	X	X

- (b) berkenaan dengan jenis derivatif dimeterai oleh perbadanan tersenarai yang belum dizahirkan di dalam tahun kewangan sebelumnya atau mana-mana suku tahun pada tahun kewangan semasa, rasional memeterai derivatif tersebut dan akruan manfaat yang dijangkakan kepada perbadanan tersenarai;
- (c) satu perbincangan mengenai yang berikut untuk setiap jenis derivatif, jika terdapat perubahan pada mana-mana maklumat yang dizahirkan sejak tahun kewangan sebelumnya:
- risiko kredit, risiko pasaran dan risiko kecairan berkaitan dengan derivatif, jika berkenaan
 - kehendak tunai dari derivatif;
 - dasar yang diterapkan untuk mengurangkan atau mengawal risiko berkaitan dengan derivatif tersebut; dan
 - dasar perakaunan yang berkaitan.

Jika tidak ada perubahan, pernyataan untuk hal itu

- (19) Jumlah keuntungan/kerugian hasil daripada perubahan nilai saksama dari liabiliti kewangannya untuk suku tahun semasa dan tahun berakhir kewangan hingga kini termasuk yang berikut:
- jenis liabiliti kewangan dari mana keuntungan/kerugian terhasil;
 - satu penjelasan mengenai sebab-sebab keuntungan/kerugian; dan
 - asas dalam menentukan perubahan nilai saksama.

[Lampiran tamat]

LAMPIRAN C**Bahagian A****Kandungan laporan tahunan**
(Kaedah 9.25)

- (1) Alamat, nombor telefon dan faks pejabat berdaftar.
- (2) Alamat, nombor telefon dan faks setiap pejabat di mana daftar sekuriti disimpan.
- (3) Butir-butir setiap pengarah perbadanan tersenarai termasuk maklumat berikut:
 - (a) nama, umur, jantina, kewarganegaraan, kelayakan dan sama ada jawatan itu adalah eksekutif atau bukan eksekutif dan sama ada pengarah itu adalah pengarah bebas;
 - (b) pengalaman kerja dan pekerjaan;
 - (c) tarikh orang itu mula-mula dilantik ke lembaga;
 - (d) perincian mana-mana jawatankuasa lembaga yang disandang orang itu;
 - (e) mana-mana penjawatan pengarah lain di syarikat awam dan perbadanan tersenarai;
 - (f) apa-apa perhubungan keluarga dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang syer utama perbadanan tersenarai;
 - (g) apa-apa percanggahan kepentingan yang wujud antara orang itu dengan perbadanan tersenarai;
 - (h) selain daripada kesalahan lalu lintas, senarai sabitan untuk kesalahan dalam tempoh 5 tahun yang lalu dan butir-butir mengenai sebarang sekatan awam atau hukuman yang dikenakan oleh badan kawal selia yang berkaitan sepanjang tahun kewangan, jika ada; dan
 - (i) bilangan mesyuarat lembaga yang dihadiri dalam tahun kewangan.
- (4) Nama ketua eksekutif dan jika ketua eksekutif bukan seorang pengarah, butir-butir berikut:
 - (a) umur, jantina, kewarganegaraan dan kelayakan;
 - (b) pengalaman bekerja;
 - (c) tarikh orang itu mula-mula dilantik ke perbadanan tersenarai;
 - (d) perincian sebarang kepentingan dalam sekuriti perbadanan tersenarai atau subsidiarinya;
 - (e) mana-mana penjawatan pengarah di syarikat awam dan perbadanan tersenarai;
 - (f) apa-apa perhubungan keluarga dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang syer utama perbadanan tersenarai;
 - (g) apa-apa percanggahan kepentingan yang wujud antara orang itu dengan perbadanan tersenarai; dan

-
- (h) selain daripada kesalahan lalu lintas, senarai sabitan untuk kesalahan dalam tempoh 5 tahun yang lalu dan butir-butir mengenai sebarang sekatan awam atau hukuman yang dikenakan oleh badan kawal selia yang berkaitan sepanjang tahun kewangan, jika ada.
- (4A) Butir-butir mengenai pengurusan kanan utama termasuk maklumat berikut:
- (a) nama, umur, jantina, kewarganegaraan dan kelayakan;
 - (b) pengalaman bekerja;
 - (c) tarikh orang itu mula-mula dilantik ke jawatan pengurusan kanan utama;
 - (d) mana-mana penjawatan pengarah di syarikat awam dan perbadanan tersenarai;
 - (e) apa-apa perhubungan keluarga dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang syer utama perbadanan tersenarai;
 - (f) apa-apa percanggahan kepentingan yang wujud antara orang itu dengan perbadanan tersenarai; dan
 - (g) selain daripada kesalahan lalu lintas, senarai sabitan untuk kesalahan dalam tempoh 5 tahun yang lalu dan butir-butir mengenai sebarang sekatan awam atau hukuman yang dikenakan oleh badan kawal selia yang berkaitan sepanjang tahun kewangan, jika ada.
- Bagi maksud perenggan ini, "**pengurusan kanan utama**" merujuk kepada seorang, yang pada pendapat perbadanan tersenarai, adalah pengurusan kanan utama dari kumpulan, dan mesti merangkumi orang yang bertanggungjawab secara utama untuk operasi perniagaan teras dan subsidiari perbadanan tersenarai.
- (5) Nama setiausaha syarikat.
- (6) Nama, alamat dan nombor telefon Penaja perbadanan tersenarai.
- (7) Laporan jawatankuasa audit berkenaan dengan tahun kewangan yang dikehendaki di bawah Kaedah 15.15.
- (7A) Satu pernyataan mengenai aktiviti jawatankuasa pencalonan dalam menjalankan tugasnya untuk tahun kewangan yang dikehendaki di bawah Kaedah 15.08A(3).
- (8) Satu pernyataan yang mengandungi perbincangan dan analisis pengurusan mengenai perniagaan, operasi dan prestasi kumpulan (termasuk prestasi kewangan) sepanjang tahun kewangan yang merangkumi sekurang-kurangnya maklumat berikut:
- (a) gambaran keseluruhan perniagaan dan operasi kumpulan termasuk objektif dan strategi-strategi untuk mencapai objektif;
 - (b) perbincangan dan analisis hasil kewangan dan keadaan kewangan termasuk -
 - (i) ulasan mengenai petunjuk kewangan dan bukan kewangan untuk mengukur prestasi kumpulan;
 - (ii) perubahan signifikan dalam prestasi, kedudukan kewangan dan kecairan berbanding tahun kewangan sebelumnya;

-
- (iii) perbincangan mengenai kehendak perbelanjaan modal, struktur modal dan sumber modal; dan
 - (iv) trend dan peristiwa yang diketahui yang secara munasabah berkemungkinan besar untuk mempunyai kesan material pada operasi, prestasi, keadaan kewangan, dan kecairan kumpulan, bersama-sama sandaran sebab-sebab atau implikasi;
- (c) semakan aktiviti operasi termasuk perbincangan mengenai faktor utama yang boleh mempengaruhi aktiviti operasi setiap segmen perniagaan utama kumpulan, kesan terhadap aktiviti operasi masa hadapan, dan pendekatan atau tindakan yang telah diambil dalam menangani kesan atau hasil perkara tersebut pada aktiviti perniagaannya;
- (d) sebarang risiko yang dijangkakan atau diketahui yang terdedah kepada kumpulan yang mungkin mempunyai kesan material pada operasi, prestasi, keadaan kewangan, dan kecairan kumpulan bersama-sama satu perbincangan dari pelan atau strategi untuk mengurangkan risiko tersebut; dan
- (e) pernyataan berwawasan yang memberikan ulasan mengenai -
- (i) trend, pandangan dan kemampuan kumpulan yang berkemungkinan dari setiap segmen perniagaan utamanya;
 - (ii) prospek perniagaan atau pelaburan baharu; dan
 - (iii) dasar dividen atau pengagihan, jika ada, dan faktor yang menyumbang kepada dividen atau pengagihan untuk tahun kewangan.
- (9) Gambaran keseluruhan penerapan Prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam MCCG berkenaan dengan tahun kewangan yang dikehendaki di bawah Kaedah 15.25 (1).
- (10) Pernyataan kebertanggungjawaban berkenaan dengan penyata kewangan teraudit tahunan yang dikehendaki di bawah Kaedah 15.26 (a).
- (11) Pernyataan mengenai pengurusan risiko dan kawalan dalaman untuk tahun kewangan yang dikehendaki di bawah Kaedah 15.26 (b).
- (12) Imbuan pengarah perbadanan tersenarai (termasuk imbuan untuk perkhidmatan yang diberikan kepada perbadanan tersenarai secara kumpulan) untuk tahun kewangan secara dinamakan, menyatakan jumlah yang diterima atau akan diterima masing-masing dari perbadanan tersenarai dan secara kumpulan. Penzahiran mesti merangkumi jumlah dalam setiap komponen imbuan (mis. yuran pengarah, gaji, peratusan, bonus, komisen, pampasan kehilangan jawatan, manfaat dalam bentuk lain berdasarkan anggaran nilai wang) untuk setiap pengarah.
- (13) Jumlah bilangan mesyuarat lembaga yang diadakan sepanjang tahun kewangan.
- (14) Jika berkenaan, penjelasan ringkas mengenai status penggunaan hasil yang diperoleh dari setiap cadangan korporat.
- (15) [Dipotong]
- (16) [Dipotong]
- (17) [Dipotong]

-
- (18) [Dipotong]
- (19) Butir-butir berikut yang berkaitan berhubung perkhidmatan audit dan bukan audit yang diberikan kepada perbadanan tersenarai atau subsidiarinya untuk tahun kewangan:
- (a) jumlah fi audit yang telah dibayar atau perlu dibayar kepada juruaudit perbadanan tersenarai, menyatakan jumlah yang ditanggung oleh perbadanan tersenarai dan jumlah yang ditanggung secara berkumpulan; dan
 - (b) jumlah fi bukan audit yang telah dibayar atau perlu dibayar kepada juruaudit perbadanan tersenarai, atau firma atau perbadanan gabungan dengan firma juruaudit, menyatakan jumlah yang ditanggung masing-masing oleh perbadanan tersenarai dan jumlah yang ditanggung secara kumpulan. Jika kos bukan audit yang ditanggung adalah signifikan, perincian mengenai jenis perkhidmatan yang diberikan. Jika tidak ada fi bukan audit, pernyataan untuk hal itu.
- (20) [Dipotong]
- (21) [Dipotong]
- (22) Butir-butir kontrak material dari perbadanan tersenarai dan subsidiarinya yang melibatkan kepentingan para pengarah, ketua eksekutif yang bukan pengarah atau pemegang syer utama, sama ada masih ada pada akhir tahun kewangan atau, jika tidak lagi ada, telah dimeterai sejak akhir tahun kewangan sebelumnya, memberikan butir-butir berikut berkenaan setiap kontrak tersebut:
- (a) tarikh;
 - (b) pihak-pihak;
 - (c) sifat am;
 - (d) balasan yang disampaikan kepada atau dari perbadanan tersenarai atau perbadanan lain dalam kumpulan;
 - (e) mod penyelesaian balasan; dan
 - (f) hubungan antara pengarah, ketua eksekutif atau pemegang syer utama dan pihak yang berkontrak (jika pengarah, ketua eksekutif atau pemegang syer utama bukan pihak yang berkontrak).
- jika tidak terdapat kontrak material yang dimeterai, pernyataan yang menyatakan hal itu.
- (23) Jika kontrak di atas berkaitan dengan pinjaman, butir-butir berikut mengenai setiap pinjaman:
- (a) nama pemberi pinjaman dan peminjam itu;
 - (b) perhubungan antara peminjam dan pengarah, ketua eksekutif yang bukan pengarah atau pemegang syer utama (jika pengarah, ketua eksekutif atau pemegang syer utama bukan peminjam);
 - (c) tujuan pinjaman;
 - (d) jumlah pinjaman;
 - (e) kadar faedah;

- (f) terma mengenai bayaran faedah dan pembayaran pokok; dan
- (g) cagaran yang diberikan.
- (24) Pernyataan yang menunjukkan tarikh pernyataan tersebut dan menyatakan -
- (a) nama pemegang syer substansial dan kepentingan langsung dan kepentingan dianggap milik mereka menyatakan bilangan dan peratusan syer yang mereka mempunyai satu kepentingan seperti yang ditunjukkan dalam daftar pemegang syer substansial perbadanan tersenarai;
- (b) satu pernyataan yang menunjukkan kepentingan langsung dan kepentingan dianggap milik di dalam perbadanan tersenarai, atau dalam perbadanan berkaitan (termasuk bilangan dan peratusan) dari -
- (i) setiap pengarah yang ada dalam daftar yang disimpan di bawah seksyen 59 Akta Syarikat; dan
- (ii) ketua eksekutif yang bukan seorang pengarah;
- (c) bilangan pemegang setiap kelas sekuriti ekuiti dan sekuriti boleh tukar dan hak mengundi yang terdapat pada setiap kelas;
- (d) satu jadual pengagihan setiap kelas sekuriti ekuiti dan mana-mana sekuriti boleh tukar menyatakan bilangan pemegang dan peratusan dalam kategori berikut:
- | Bil. Pemegang | Pemegangan | Jumlah Pegangan | % |
|---------------|--|-----------------|------|
| | kurang dari 100 | | |
| | 100 hingga 1,000 | | |
| | 1,001 hingga 10,000 | | |
| | 10,001 hingga 100,000 | | |
| | 100,001 hingga kurang dari 5% syer diterbitkan | | |
| | 5% dan lebih syer diterbitkan | | |
| | — | | 100% |
- (e) nama-nama 30 pemegang akaun sekuriti yang mempunyai bilangan sekuriti terbesar dari setiap kelas sekuriti ekuiti dan sekuriti boleh tukar mengikut Rekod Pendeposit (tanpa mengagregatkan sekuriti dari pelbagai akaun sekuriti milik orang yang sama) dan bilangan dan peratusan sekuriti ekuiti dan sekuriti boleh tukar dari setiap kelas yang dipegang. Dalam kes pemegang akaun sekuriti yang merupakan penama yang diberi kuasa seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, maklumat di dalam bidang pelayak akaun dari sekuriti juga mesti dinyatakan.
- (25) [Dipotong]
- (26) Butir-butir setiap harta tanah perbadanan tersenarai atau subsidiarinya yang nilai buku bersihnya adalah 5% atau lebih daripada jumlah aset gabungan perbadanan tersenarai pada akhir tahun kewangan ("**harta tanah material**"). Sekiranya bilangan harta tanah material adalah kurang dari 10, butir-butir mengenai 10 harta tanah teratas dari segi nilai buku bersih tertinggi (termasuk harta tanah material) pada akhir tahun kewangan. Butir-butir harta tanah tersebut untuk dinyatakan adalah seperti berikut:
- (a) alamat setiap harta tanah;
- (b) berkenaan dengan setiap harta tanah:

- (i) penerangan ringkas (mis. tanah atau bangunan, anggaran keluasan, dll);
- (ii) penggunaan sedia ada (mis. kedai, pejabat, kilang, kediaman dan lain-lain);
- (iii) tempoh (iaitu pegangan bebas, atau pajakan dan jika pajakan, tarikh tamat pajakan);
- (iv) anggaran usia bangunan;
- (v) nilai buku bersih; dan
- (vi) jika penilaian semula telah dilakukan, tarikh penilaian semula terakhir dan jika tidak ada, tarikh pemerolehan.

(27) [Dipotong]

(28) Maklumat berhubung Skim Saham Pekerja yang berikut:

- (a) bilangan skim sedang berjalan pada tahun kewangan ini, dan butiran ringkas setiap skim termasuk -
 - (i) jumlah bilangan opsiyen atau syer yang diberikan;
 - (ii) jumlah bilangan opsiyen yang dilaksanakan atau syer diletak hak; dan
 - (iii) jumlah opsiyen atau syer belum jelas;
- (b) berkenaan dengan opsiyen atau syer yang diberikan kepada para pengarah dan ketua eksekutif:
 - (i) opsiyen atau syer agregat yang diberikan;
 - (ii) opsiyen agregat yang dilaksanakan atau syer diletak hak; dan
 - (iii) opsiyen atau syer agregat belum jelas;
- (c) berkenaan dengan opsiyen atau syer yang diberikan kepada para pengarah dan pengurusan kanan -
 - (i) peruntukan maksimum agregat yang terpakai kepada pengarah dan pengurusan kanan dalam peratusan; dan
 - (ii) peratusan sebenar yang diberikan kepada mereka,

sepanjang tahun kewangan dan sejak permulaan skim masing-masing; dan
- (d) pecahan dari opsiyen yang ditawarkan kepada dan dilaksanakan oleh, atau syer yang diberikan kepada dan diletak hak (jika ada) pengarah bukan eksekutif menurut Skim Saham Pekerja berkenaan dengan tahun kewangan dalam bentuk jadual seperti berikut:

Nama pengarah	Jumlah opsiyen/ syer diberikan	Jumlah opsiyen dilaksanakan/syer diletak hak
1.		
2.		
3.		
Jumlah		

- (29) Satu pernyataan oleh lembaga pengarah berkaitan dengan latihan yang dihadiri oleh pengarah berkenaan dengan tahun kewangan yang dikehendaki di bawah Kaedah 15.08 (3).
- (30) Pernyataan naratif dari pengurusan risiko dan peluang ekonomi, persekitaran material perbadanan tersenarai ("**Pernyataan Kemampanan**").

[Rujukan silang: Nota Panduan 11]

- (31) Satu pernyataan berkaitan dengan fungsi audit dalaman perbadanan tersenarai, iaitu sama ada fungsi audit dalaman dilakukan secara dalaman atau adalah melalui penyumberluaran dan kos yang ditanggung untuk fungsi audit dalaman berkenaan dengan tahun kewangan.

[Lampiran tamat]